



# SIDANG WANITA PULAU PINANG 2023

*Tambah Perwakilan Wanita Untuk Manfaat Semua*



Agensi Pelaksana



Penang Women's Development Corporation



# **SIDANG WANITA PULAU PINANG 2023**

*Tambah Perwakilan Wanita Untuk Manfaat Semua*



# *Meja Pengarang*

## **Penaung**

**YB Dato' Law Choo Kiang**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

**YB Puan Lim Siew Khim**

EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan  
& Hal Ehwal Bukan Islam

## **Penasihat**

**YBhg. Dato' Ong Bee Leng**

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang  
(PWDC)

## **Pengarang**

Amirul Aiman Anuar

## **Penyunting**

Izwan Ali Imran Wazani

## **Penerbit**

PWDC

## **Fotografi**

PWDC

GoClick Pictures

## Diterbitkan oleh:

Perbadanan Pembangunan Wanita

Pulau Pinang.

PWDC SDN. BHD. (966791-W)

Tingkat 47, KOMTAR

10503 George Town

Pulau Pinang.

HAK CIPTA TERPELIHARA © 2024

Copyright © PWDC SDN. BHD. 2024

Semua hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran daripada PWDC.

## Reka Bentuk:

I Heart Design

## Cetak oleh:

Color Craft Enterprise

ISBN 978-629-96622-4-2



9 786299 662242

# *Kandungan*

---

## **Perutusan**

YAB Tuan Chow Kon Yeow	07
YB Dato' Law Choo Kiang	08
YB Puan Lim Siew Khim	09
YB Puan Heng Lee Lee	10

---

## **Pengenalan**

Ringkasan Eksekutif Bersama Dato' Ong Bee Leng	12
Objektif, Impak & Perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023	14
Sidang Media Pengumuman Sidang Wanita 2023	15

---

---

## **Perjalanan Proses Persediaan dan Pemilihan Perwakilan**

Jelajah Sidang Wanita	16
Bengkel Pembangunan Kapasiti	23
Pemilihan Akhir	41
Bengkel Persediaan Perwakilan	42
Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan & Bertulis	44

---

## **Sidang Wanita Pulau Pinang 2023**

Hari Persidangan	46
Perwakilan Sidang Wanita 2023	56
Pelan Tempat Duduk Perwakilan	69
Statistik & Demografi Perwakilan	71

---

## **Buletin & Penghargaan**

Ruangan Khas Bersama YB Puan Connie Tan Hooi Peng	74
Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2023 & Sekretariat	76
Sekalung Penghargaan	77
Bekas Peserta Sidang Wanita	78

---




# *Peranan dan Keahlian*

## Dewan Undangan Negeri

Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dipanggil enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

Sumber : Laman Sesawang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.



# *Perutusan*

## Ketua Menteri Pulau Pinang

Salam Sejahtera, Salam Penang2030  
dan Salam Malaysia Madani.

Memasuki tahun keempat pelaksanaan Sidang Wanita Pulau Pinang, platform yang bertujuan untuk mengasah bakat bakal pemimpin serta membantu meningkatkan pengetahuan dalam bidang politik dan kemahiran ini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan sekalung tahniah kepada Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam serta Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana terus memacu penganjuran program ini, khususnya Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) yang selamat bersidang dengan jayanya pada akhir tahun lalu.

Tidak dinafikan, saban tahun, program ini berjaya menarik minat wanita dari pelbagai latar belakang politik serta sosial yang terdiri daripada golongan profesional, pegawai kerajaan, ahli perniagaan, aktivis dan tidak ketinggalan dalam kalangan siswi serta mahasiswa. Keadaan ini sekaligus menyumbang kepada variasi dan keterbukaan topik serta idea dalam perbincangan dan perbahasan sepanjang pelaksanaan SWPP23.

Sememangnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan berhenti dalam memberikan sokongan dalam pelaksanaan dasar cakna gender bagi memastikan setiap lapisan wanita sama ada kanak-kanak, remaja, golongan isteri dan ibu tunggal termasuk warga emas dirangkumi. Perkara ini telah diterjemahkan melalui pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang diperkenalkan sejak tahun 2019 yang merupakan bukti komitmen Kerajaan Negeri demi memastikan keperluan setiap lapisan masyarakat dapat dipenuhi.

Pulau Pinang komited dengan prinsip memberi akses dan peluang yang sama rata kepada semua pihak khususnya golongan wanita, selaras dengan Agenda Kelima dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu bagi mencapai kesaksamaan gender yang masih menjadi pegangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang hingga kini. Sekali lagi, syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang menyumbang kepada kejayaan Sidang Wanita Pulau Pinang saban tahun ini.

*“Akses Untuk Semua Demi Manfaat Bersama”*

Sekian, terima kasih.

**YAB Tuan Chow Kon Yeow**



# **Perutusan**

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**



Saya sangat berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk memastikan kelestarian program ini. Usaha mengiktiraf dan menonjolkan bakat kepimpinan wanita dalam politik bukan satu usaha yang mudah, lebih-lebih lagi realiti politik semasa yang perwakilannya masih rendah dalam kalangan wanita.

Setiap tahun dapat dilihat evolusi kualiti perbahasan wanita-wanita yang digilap melalui program tahunan ini kian meningkat. Secara keseluruhan tahap persembahan kesemua perwakilan yang dipamerkan menampakkan kematangan dan kesungguhan yang mendalam. Penilaian yang dibuat bukanlah sekadar terhadap kemahiran pengucapan awam dan kepetahan bercakap semata, namun kualiti dan intipati perbahasan perlu diberi tumpuan.

Pengisian yang digarap oleh Jawatankuasa Petugas untuk memastikan para perwakilan mendalami proses dan format persidangan Dewan Undangan Negeri amatlah dihargai. Fungsi legislatif dan eksekutif oleh para perwakilan dengan gigih bermula dari pra-persidangan sehingga pada hari persidangan. Ini adalah penting untuk mengubah persepsi orang ramai tentang peranan wakil rakyat yang sering disalahertikan.

Saya percaya usaha ini mampu memberikan impak yang besar kelak kerana usaha empat tahun ini telah mula membawa hasil. Saya kagum dengan kejayaan Ketua Menteri Sidang Wanita 2020 yang telah memenangi kerusi Kawasan Dewan Undangan Negeri Seri Delima pada Pilihan Raya Negeri tahun lalu. Semoga, kejayaan YB Puan Connie Tan Hooi Peng akan menyemarakkan lagi semangat semua perwakilan Sidang Wanita. Saya ingin melihat lebih ramai wakil rakyat wanita dalam Dewan Undangan Negeri.

*“Wanita Agen Perubahan”*

Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Law Choo Kiang**

# Perutusan

## EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam

Usaha menambah perwakilan wanita di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan terus menjadi agenda di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) progresif dalam mendokong usaha pemerkasaan wanita dengan penyediaan program-program pembangunan dan platform pemerkasaan seperti Sidang Wanita Pulau Pinang.

Sidang Wanita Pulau Pinang telah melahirkan 160 pemimpin wanita yang kini mewarnai pentas politik. Jika dikumpulkan secara kumulatif, secara keseluruhannya lebih 600 wanita telah mengikuti proses pembangunan latihan dalam tempoh empat tahun ini. Selain itu, kerajaan negeri juga mempunyai pelbagai program pembangunan kapasiti untuk menggilap bakat wanita, termasuk dalam ekonomi.

Realiti pada hari ini, perwakilan wanita dalam fungsi legislatif kerajaan masih sangat rendah dan tidak pernah lagi mencapai minimum 30 peratus seperti yang disasarkan oleh United Nation Women. Komposisi wanita di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang kini mencatat peratusan yang menurun jika dibandingkan PRU dan PRN sebelum ini.


Jurang gender yang ketara menjadi cabaran besar pada hari ini. *Global Gender Gap Report 2023* oleh *World Economic Forum*, Malaysia berada pada tangga ke-102 daripada 146 negara, dengan skor 0.682 berbanding dengan skor 1.0 untuk paras sama rata. Kita masih ketinggalan dari segi ekonomi dan politik.

Berdasarkan kepada realiti dan data-data ini, saya akan terus berusaha mengangkat isu-isu wanita demi manfaat bersama. Pulau Pinang akan terus menjuarai isu-isu wanita agar jurang gender dapat dirapatkan. Ini juga sejajar dengan visi Penang2030 iaitu “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara”.

*“Tambah Perwakilan Wanita Untuk Manfaat Semua”*

Sekian, terima kasih.

**YB Puan Lim Siew Khim**



# *Perutusan*

**Ahli Dewan Undangan Negeri  
(ADUN) Berapit merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Petugas  
Sidang Wanita Pulau Pinang 2023**

Sidang Wanita Pulau Pinang yang sdikelolakan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) merupakan sebuah platform oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada wanita yang berpotensi mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat.

Saya amat bangga bahawa program ini telah dirangka secara komprehensif dengan beberapa komponen yang merangkumi pusingan saringan, pembangunan kapasiti dan proses persediaan untuk yang terpilih. Maka pada hari persidangan kita telah menyaksikan 40 wanita hebat yang telah berjaya mengharungi 4 Fasa Program Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23).

Persidangan Sidang Wanita dirangka khas bersandarkan format Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang sebenar. Sidang Wanita tidak hanya memfokuskan perbahasan pada hari persidangan semata, malah menekankan proses pra-persidangan yang melibatkan soalan lisan, soalan bertulis dan juga usul.

Para perwakilan mengambil peranan sebenar yang mana Backbencher dan Pembangkang akan menghantar soalan berdasarkan keperluan dan situasi semasa di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) konstitusi yang diwakili. Barisan EXCO akan berkerja rapat dengan pejabat EXCO sebenar untuk menyediakan jawapan yang dibentangkan pada hari persidangan.

Saya percaya, dengan pengisian yang telah dirangka Sidang Wanita bakal melahirkan pemimpin wanita masa hadapan. Kita telah berjaya melahirkan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), tidak mustahil kelak kita bakal melahirkan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan ramai lagi ADUN.

*“Suara Wanita Suara Keramat”*


Sekian, terima kasih.

**YB Puan Heng Lee Lee**



# *Pengenalan*





# ***Ringkasan Eksekutif***

*Bersama YBhg. DATO' ONG BEE LENG, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menelusuri inti pati perjalanan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) yang berjaya melabuhkan tirainya masuk tahun keempat penganjurannya.*

## **Pulau Pinang Pencetus Idea Sidang Khas Untuk Wanita**

Inisiatif Pulau Pinang memperkasakan wanita dalam bidang kepimpinan dan politik menerusi penganjuran Sidang Wanita bertujuan merapatkan jurang gender. Wanita tidak lagi terpeking dengan stigma dan stereotaip yang dilemparkan bahkan lebih berfikiran maju ke hadapan. Kebolehan dan bakat yang ditonjolkan oleh peserta menunjukkan bahawa wanita wajar berperanan sebagai pembuat keputusan yang menentukan undang-undang, dasar serta belanjawan negeri dan negara. Kelebihan dan keistimewaan yang ditonjolkan dalam penganjuran Sidang Wanita memberi inspirasi kepada negeri lain untuk turut menganjurkannya.

Negeri Sembilan, merupakan negeri pertama bertemu dan bersemuka dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk mendalami tentang pengisian dan proses pelaksanaan program. Dengan dorongan dan sokongan kerajaan Negeri Sembilan, Sidang Wanita mula bertapak di Negeri Sembilan yang dikelola oleh PH Gem. Negeri Selangor turut mengorak langkah sama untuk melahirkan lebih ramai ahli politik wanita melalui Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS). Ini pasti menjadi inspirasi untuk memperkasakan wanita dalam bidang politik. Penganjuran menyeluruh dari setiap negeri di Malaysia diyakini bakal membuka mata pemimpin atasan dalam parti dan pimpinan kerajaan tentang perlunya menambah perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan.

## **Kepentingan Perwakilan Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan**

Menurut Jabatan Perangkaan, Malaysia mencatat skor 0.1 untuk pemerkasaan politik, memandangkan hanya 13.5% wakil rakyat wanita di Dewan Rakyat dan 15% di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, untuk mewakili 50% penduduk wanita. Jadi, di manakah demokrasi dan keadilan sosial? Lensa wanita berbeza terutamanya dari segi pemikiran dan pengalaman hidup. Kurangnya wanita di peringkat pembuat keputusan menyebabkan hak wanita diketepikan serta tidak dapat sumber-sumber dan peluang yang setara. Kelompongan ini menjadi pencetus kepada penganjuran Sidang Wanita, agar platform ini dapat mencungkil dan menggilap bakat pemimpin wanita.

Peserta Sidang Wanita didedahkan dengan pelbagai pengisian yang mampu membentuk pemimpin memenuhi kriteria sebagai wakil rakyat. Platform ini telah menjadi saksi setiap peserta membina keyakinan diri, meningkatkan pengetahuan tentang fungsi eksekutif dan legislatif serta memberikan pengalaman sebagai wakil rakyat sebenar dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Harapan utama adalah lebih ramai wanita dicalonkan sebagai wakil rakyat di peringkat pembuat keputusan agar nasib wanita lebih terjamin pada masa akan datang.

## Tahun Keempat Penganjuran Sidang Wanita

Impak utama penganjuran Sidang Wanita berjaya dicapai apabila salah seorang peserta berjaya menjadi wakil rakyat. Sebenarnya, Empat (4) bekas peserta Sidang Wanita telah tampil untuk bertanding dalam Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) yang lalu, namun hanya satu yang berjaya. Ini membuktikan bahawa Sidang Wanita sememangnya platform untuk wanita terjun ke arena politik.

Dari tahun ke tahun, ramai pihak mula faham asbab perlunya wanita dalam politik. Stereotaip mengenai wanita dalam politik sedikit demi sedikit dihapuskan. Wanita generasi kini juga berbeza dengan dahulu kerana kebanyakannya meneruskan minat berkecimpung dalam arena politik. Kesedaran penglibatan wanita dalam politik penting sebagai pemacu kepada nasib wanita di negara ini.

Rakyat dalam kalangan wanita di Pulau Pinang bernasib baik kerana terdapat Exco yang menjadi wakil dalam menyuarakan keperluan wanita. Perkembangan peserta dari tahun ke tahun, berdasarkan keberanian dan keyakinan menyentuh isu yang lebih menyeluruh harus dipuji. Ini memperlihatkan kecaknaan dan kesungguhan perwakilan dalam pelbagai aspek pembangunan negeri merangkumi pelbagai bidang di samping agenda wanita.

## Pembentangan Usul Penjagaan Ekonomi SWPP23

Pembentukan dasar dan pelan tindakan ekonomi penjagaan (*Care economy*) merupakan antara usul yang dicadangkan oleh peserta SWPP23. Usul ini dicadangkan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh selaras dengan hasrat negara mencapai 60 peratus kadar penyertaan tenaga kerja wanita. Perincian dan penelitian mendalam perlu dilaksanakan bagi merealisasikan usul ini.

Ekonomi penjagaan (*Care economy*) memainkan peranan penting bukan sahaja dari segi penjagaan kanak-kanak, warga emas mahupun orang kurang upaya (OKU) malah ia juga mampu melonjakkan peningkatan jumlah wanita untuk terlibat dalam ekonomi negara. Bagi memastikan ekonomi penjagaan dapat memberi hasil dan kesan yang menyeluruh kepada wanita, dicadangkan projek perintis dijalankan di komuniti terpilih pada peringkat awal. Penubuhan Jawatankuasa Petugas mengukuhkan lagi gerak kerja serta merealisasikan matlamat yang digariskan dalam usul tersebut.

\*Ringkasan Eksekutif ini ditulis berdasarkan temubual bersama Dato' Ong Bee Leng setelah selesai penganjuran SWPP23.



# *Sekilas Pandang*

## Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

### *Ringkasan Program*

Sidang Wanita merupakan platform khas untuk wanita di Pulau Pinang mengasah dan mengetengahkan bakat kepimpinan terutamanya dalam arena politik. Program khas untuk wanita ini juga beri pendedahan dan pengalaman mengenai bidang tugas wakil rakyat serta perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

#### *Platform*

Wanita mengasah & mengetengah bakat dalam kepimpinan terutama politik

#### *Pendedahan*

Peranan ahli politik & proses penggubalan undang-undang

### *Gasaran Impak*

Lebih 100 wanita yang menyertai mendapat kefahaman dengan lebih mendalam berkenaan sistem politik, pentadbiran kerajaan dan amalan demokrasi di Pulau Pinang dan Malaysia.

80 pemimpin wanita terpilih untuk meningkatkan keyakinan diri melalui program pembangunan kapasiti.

40 pemimpin wanita terpilih ke peringkat Persidangan Sidang Wanita untuk mengetengahkan wanita berkaliber dan berpotensi dalam bidang politik

### *Perjalanan*


#### Sidang Wanita Pulau Pinang 2023



Pendaftaran Atas Talian



Jelajah (Pulau & Seberang Perai)



Bengkel Pembangunan Kapasiti



Pemilihan Akhir



Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

### *Objektif Sidang Wanita*

#### *1 Pengetahuan*

Memperkasakan wanita dan memberi pendedahan berkenaan kepimpinan politik, tadbir urus baik, penyertaan masyarakat, keadilan sosial & kesaksamaan gender.

#### *2 Pengalaman*

Memberi pemahaman dan pengalaman tentang proses penggubalan undang-undang, perjalanan Dewan Undangan Negeri serta peranan legislatif dan eksekutif.

#### *3 Pembangunan Kapasiti*

Membina kepimpinan dalam kalangan wanita serta menjadikan mereka lebih cakna dan berkeyakinan dalam bidang politik





## Sidang Media SWPP23

Pendaftaran baharu mencari bakat kepimpinan dalam kalangan wanita berumur 18 tahun ke atas dibuka untuk tahun keempat penganjurannya.

Masuk tahun keempat edisi Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) kembali membuka pentas bagi memenuhi bakat-bakat pemimpin dalam kalangan wanita di negeri ini. Platform khas ini adalah medan pembelajaran yang terbukti mampu menggilap potensi peserta bergelar pemimpin.

Pelancaran program anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Pengurus Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Pelancaran sidang media yang diadakan di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) ini turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook PWDC serta mendapat sambutan hangat daripada media dan rakan kerjasama berkepentingan yang terdiri daripada parti-parti komponen politik tempatan serta badan bukan kerajaan (NGO).

Kejayaan penganjuran edisi sebelum ini berjaya membuktikan hasil daripada penglibatan para peserta yang berpotensi lalu masih mempunyai pengaruh yang kuat dalam landskap politik di dalam negeri ini. Ini turut diakui melalui sokongan daripada NGO dan organisasi politik wanita yang terus mendukung dan tidak ketinggalan menghantar wakil masing-masing kali ini.

Berucap menyempurnakan pelancaran, YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, SWPP23 dirangka khusus untuk wanita memupuk minat serta membina kapasiti diri dalam bidang kepimpinan terutama dalam arena politik.

Katanya, tanpa mengira latar belakang dan taraf pendidikan peserta, program ini dibangunkan untuk beri pendedahan secara langsung mengenai tadbir urus negara berdasarkan prinsip pemisahan kuasa legislatif dan eksekutif. Selain itu, peserta berpeluang memperolehi pengalaman gerak kerja bersama wakil rakyat sebenar sepanjang program berlangsung.

Beliau turut berkongsi penyertaan Sidang Wanita edisi sebelum ini amat menggalakkan dan ia terbukti pada tahun lalu sebanyak 34 penyertaan peserta luar Pulau Pinang diterima, antaranya dari Selangor, Melaka, Perlis, Kedah, Perak dan Pahang. Ini jelas ada permintaan mendesak dalam kalangan wanita dalam bidang perwakilan meskipun hanya sebagai YB (wakil rakyat) sehari sahaja pada Hari Persidangan di Dewan Undangan Negeri (DUN).

Walau bagaimanapun, ujarnya lagi, pencapaian wanita dalam politik arus perdana negara belum menampakkan dimensi baharu dan ini terlihat pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang lalu, hanya 32 Ahli Parlimen wanita berjaya memenangi kerusi masing-masing. Dilema ini kian mengecil peratusannya dengan hanya 14.4 peratus wakil rakyat wanita di Dewan Rakyat berbanding 14.86 peratus pada PRU-14.

"Justeru itu, saya menyeru wanita yang berminat membela nasib rakyat, marilah tampil dan gilap bakat kepimpinan anda dalam bidang politik serta pentadbiran negeri dan negara. Saya yakin peluang emas ini akan beri impak dan pengalaman hebat pada diri anda apabila berjaya terpilih bersidang di dalam DUN nanti," katanya.

Seramai 400 wanita disasarkan untuk mendaftar dan mengambil bahagian sempena pendaftaran peserta SWPP23 yang dilancarkan buat tahun keempat berturut-turut kali ini. Tempoh pendaftaran peserta yang dibuka selama dua bulan bermula 19 Jun 2023 sehingga 20 Ogos 2023 ini menyasarkan golongan wanita yang berkebolehan dalam pelbagai sektor serta berminat dalam selok-belok pentadbiran awam dan politik.

Turut berucap, YB Puan Lim Siew Khim merangkap ADUN Sungai Pinang ini telah berkongsi berkenaan format penganjuran yang telah ditetapkan serta garis masa yang akan merangkumi empat fasa sepanjang proses penyediaan peserta persidangan.

Seperti tahun-tahun penganjuran lalu, edisi kali ini juga akan dilaksanakan melalui Empat Fasa Pemilihan. Ia akan berlangsung bermula Ogos hingga Fasa Akhir Hari Persidangan yang dijangka diadakan pada November. Hanya 40 wakil sahaja yang terpilih untuk bersidang di DUN Pulau Pinang di mana ia merupakan fasa yang terakhir. Beberapa penambahbaikan turut diambil terutama dari sudut pengisian program agar memberi impak kepada peserta.

Menurutnya, peserta akan didedahkan dengan pemahaman tentang gender serta pengenalan kepada sistem demokrasi berparlimen negara termasuklah negeri. Selain itu, ruang untuk mengasah kemahiran pengucapan awam serta kemahiran berbahas melalui sesi advokasi yang membincangkan pelbagai topik isu semasa wanita. Mereka turut berpeluang bersama wakil rakyat sebenar untuk turun padang berdepan dan merasai sendiri pengalaman menyantuni rakyat.

Turut hadir sidang media itu, YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun, YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam, ADUN Batu Uban; Puan Kasthuriraani Patto, mantan Ahli Parlimen Batu Kawan; Ahli-Ahli Majlis MBPP; serta Tuan Ahmad Shukri Jamaluddin, Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang termasuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PWDC.

**Hanya 40 peserta sahaja yang akan mara ke Fasa 4 untuk bersidang dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang akan dipengerusikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan.**

**YB Puan Lim Siew Khim**



# *Perjalanan Proses Persediaan & Pemilihan Perwakilan*





# Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

26 & 27 Ogos 2023

Jelajah Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) seperti edisi lalu diadakan selama dua hari bagi memenuhi pendaftaran peserta di bahagian Seberang Perai dan Pulau. Jelajah Siri 1 bertempat di Butterworth Digital Library, manakala Jelajah Siri 2 pula di Auditorium A, KOMTAR.

Kedua-dua siri Jelajah SWPP23 ini adalah bertujuan untuk bersemuka dengan para peserta yang telah berani tampil tonjolkan diri menyahut seruan dalam tempoh pendaftaran Sidang Wanita Pulau Pinang untuk edisi tahun keempat ini.

Pengisian jelajah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Sesi Perkongsian Bersama Pemimpin Wanita dalam kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ahli Majlis MBPP dan MBSP yang menampilkan beberapa wakil rakyat sebenar. Sesi ini adalah perkongsian perjalanan politik masing-masing termasuk cabaran dan nasihat sebagai panduan peserta mendepani medan politik. Mereka juga secara langsung akan terlibat dalam Sesi Penilaian Peserta yang dikendalikan dalam kumpulan kecil dengan membuat penilaian terhadap prestasi peserta dalam fasa awal ini untuk mera ke peringkat seterusnya.

## Jelajah SWPP23 Siri 1

Bertempat di Butterworth Digital Library, Jelajah 1 SWPP23 dimulakan dengan Taklimat Perjalanan SWPP23 yang disampaikan oleh Dato' Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC yang bakal berlangsung mulai hari ini hingga ke penghujung Hari Persidangan. Beliau turut teruja mengalukan kesemua peserta yang hadir dan sedia berentap merebut platform terhad dan eksklusif pada tahun ini. Sementara

itu juga, penerangan berkenaan peranan PWDC serta perkongsian mengenai isu-isu gender selain sempat berosal jawab dengan beberapa peserta.

Usai taklimat, YB Puan Lim Siew Khim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam mengambil alih perhatian peserta melalui ucapan aluan serta perkongsiananya. Beliau teruja dan gembira melihat kehadiran seramai lebih 240 orang peserta wanita daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur atas kesudian mencabar diri mereka mendekati gelanggang awal politik negeri. Kongsi lagi, sebanyak 113 peserta tahun ini terdiri daripada Ahli Wanita daripada pelbagai parti politik tempatan, manakala baki lain pula bukan ahli parti.

Ujarnya, sambutan peserta daripada luar Pulau Pinang pada tahun ini menyertai SWPP23 juga tidak kurang hebat dengan sebanyak 25 peserta dari beberapa negeri lain nekad untuk mengambil bahagian pada pemilihan SWPP23 kali ini. Ini merupakan berita gembira dan pendedahan ini merupakan input yang baik buat para peserta saling bertukar pandangan antara mereka mengenai hala tuju pembangunan negeri masing-masing.

Menurut beliau, berikutan suhu politik negara pasca PRU-15 yang berlangsung November tahun lalu yang panas serta kelangsungan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang baru selesai minggu lalu pula telah membariskan dimensi baharu dalam saf kepimpinan wakil rakyat negeri kali ini. Ia bertambah buruk lagi apabila jumlah ADUN baharu dalam kalangan wanita juga kian mengecil menjadi asbab untuk para wanita terus tampil menonjolkan diri di mata masyarakat.

Meluah rasa terkilan, justeru itu beliau mahu semua peserta agar tidak khuatir, malah bertuah kerana peluang berada di sini merupakan wadah tepat dalam menyemarakkan semangat demokrasi bagi menarik penglibatan wanita. Tambahnya lagi, bagi memenuhi keperluan itu, rangka Sidang Wanita melalui empat fasa disesuaikan mengikut keperluan agar peserta lebih cakna mengenai sistem pentadbiran kerajaan.

Berkongsi detik awal pembabitannya dalam politik, YB Lim Siew Khim tidak malu memberitahu pada usia remajanya, beliau hanyalah pekerja kerani biasa di Pejabat DAP Negeri selain turut membantu urusan surat menyurat dan dokumentasi bagi pihak pemimpin atasannya. Hampir belasan tahun mengurus tadbir perihal pejabat selain berperanan selaku Ahli Majlis MBPP, beliau pernah dipelawa pucuk pimpinannya bertanding dalam PRN negeri namun menolaknya kerana kurang keyakinan.

Pada tahun 2013, akhirnya beliau akur dan menawarkan diri bertanding atas tiket Parti DAP dan menang di kerusi DUN Sungai Pinang dengan memperoleh 60.70% undi mengalahkan parti lawan. Sejak itu, khidmat dan bakti beliau terhadap warga Sungai Pinang tidak pernah lenyap dan terus disalurkan hingga kini sudah masuk penggal ketiga beliau berkhidmat selaku ADUN Sungai Pinang selepas menang pada PRN-15 minggu lalu.

Dirinya kini menjadi milik rakyat dan mujur maklumnya pihak keluarga termasuk anak-anak dan suaminya faham dan merestui perjalanan karier politik beliau. Bangga menjadi ibu kepada empat cahaya mata, YB Lim Siew Khim tidak merungut untuk menggalas pelbagai tanggungjawab selaku ibu, isteri, anak perempuan kepada orang tuanya serta wakil rakyat buat warga Sungai Pinang.

“Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pemimpin terdahulu yang banyak mengajar dan menjadi mentor saya. Terutama sekali kepada mantan EXCO wanita kita sebelum ini, Dato’ Chong Eng yang tidak jemu beri tunjuk ajar dan teguran yang berguna sebagai seorang pemimpin wanita,” katanya.

Di kesempatan itu juga, YB Lim Siew Khim berkongsi berita gembira atas pencapaian bekas peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2020, Puan Goh Huey Ee serta Puan Normahani Muhamad atas pelantikan mereka sebagai Ahli Majlis MBPP dan MBSP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai) berkuatkuasa awal tahun 2023.

Turut hadir berkongsi panduan dan nasihat berpolitik pada hari itu adalah ADUN Bukit Tambun, YB Tuan Goh Choon Aik; ADUN Seri Delima, YB Puan Connie Tan Hooi Peng; ADUN Sungai Puyu, YB Puan Phee Syn Tze serta Ahli-Ahli Majlis MBPP dan MBSP termasuk barisan Ahli Lembaga Pengarah PWDC.



YB Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu



YBrs Puan Aida Yusuf Rawa, Ahli Lembaga Pengarah PWDC



YBrs Puan Tan Soo Siang, Ahli Majlis MBPP



Penilaian kumpulan kecil semasa Jelajah SWPP23

## Jelajah SWPP23 Siri 2

Bertempat di Auditorium A, KOMTAR dengan baki peserta SWPP23 yang mendaftar lain hadirkan diri bagi sesi penilaian fasa awal kedua. Sama seperti hari sebelum, agenda dimulakan dengan Taklimat Perjalanan SWPP23 serta sedikit perkongsian dan perbincangan oleh Dato' Ong Bee Leng.

Sesi kemudian diteruskan dengan Perkongsian Wakil Rakyat oleh YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun. Berkongsi sedikit latar belakang penglibatannya dalam politik, beliau berkata, semuanya bermula apabila dirinya dilantik untuk mengisi jawatan selaku Ahli Majlis MBSP pada tahun 2008 berdasarkan pengalaman kejuruteraan dalam bidang Perancangan Bandar dan Urbanisasi. Sejak itu segala permasalahan penduduk setempat dan infrastruktur awam di dalam zon seliaan beliau perlu ditangani sebaiknya. Isu-isu jalan rosak dan kesesakan antara yang kerap diterimanya, namun katanya Bukit Tambun pesat membangun ekoran berhampiran dengan Taman Perindustrian Batu Kawan.

Katanya, selaku wakil rakyat, tugas menggubal undang-undang masih keutamaan, namun untuk sentiasa berada bersama rakyat di kawasan sendiri adalah sangat penting. Usahakan tenaga dan masa berada menyantuni dan turun padang melawat penduduk sama ada berlaku kematian, perkahwinan atau kemalangan. Hubungan erat ini kemudian akan jadi ruang terbaik untuk kita faham keluh kesah rakyat di kawasan.



"Ini termasuk gangguan bekalan air jika berlaku, kita dah sedia awal dan maklum mengenai kawasan mana yang teruk terjejas. Situasi ini bukan perkara baharu kerana kawasan Seberang Perai Selatan adalah kawasan agihan air akhir untuk bekalan pulih. Jadi semua isu dan masalah sama ada yang belum selesai atau sudah diambil tindakan, kita pantau dan tidak lepas tangan, semua kita catit," katanya.



YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun



YB Puan Connie Tan Hooi Peng, ADUN Seri Delima



YBhg Dato' Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC



Antara peserta hadir tekun mendengar Taklimat Perjalanan SWPP23



Beberapa peserta turut mengambil bahagian berkongsi pengalaman masing-masing dalam Sesi Penilaian Peserta yang dijalankan secara dalam kumpulan kecil



### Sesi Penilaian Peserta

Selesai ucapan dan perkongsian wakil rakyat, peserta dibahagikan mengikut kumpulan kecil bersama seorang fasilitator yang bertindak sebagai penilai. Ini membuka peluang untuk mereka menonjolkan diri dengan berinteraksi dengan fasilitator. Sesi dimulakan dengan peserta yang diberi peluang memperkenalkan diri masing-masing dalam masa tiga (3) minit setiap seorang sambil dinilai oleh fasilitator.

Rata-rata peserta tidak lepaskan detik itu untuk berkongsi maklumat diri yang terbaik berkenaan latar belakang mereka serta pengalaman dalam kerjaya atau khidmat komuniti. Selain itu, peserta turut diminta berkongsi objektif mereka menyertai Sidang Wanita pada kali ini dan perkara yang ingin mereka capai sepanjang pemilihan berlangsung.

Selesai memperkenalkan diri dan berkongsi objektif berada dalam SWPP23, penilaian diteruskan dengan Sesi Soal Jawab Terbuka kepada peserta bertanyakan soalan atau berkongsi pandangan dan pengalaman masing-masing. Perkongsian tersebut kemudiannya

akan dibawa untuk dibincangkan bersama wakil rakyat. Sesi ini memperuntukkan 15 minit dan fasilitator turut dibenarkan bertanya soalan kepada peserta bagi mewujudkan komunikasi dua hala atau berkumpulan.

Sesi ini adalah serampang dua mata kerana melalui sesi ini peserta akan dinilai oleh fasilitator masing-masing sama ada mereka layak atau gagal ke peringkat seterusnya. Penilaian yang dijalankan di akhir jelajah ini adalah untuk mengesan dan mengenal pasti tahap pengetahuan peserta selain melihat kesungguhan peserta untuk komited menjalani fasa pemilihan yang masih panjang.

Penutup Jelajah SWPP23 disudahi dengan sesi fotografi dan sorakan semangat mengikut kumpulan kecil masing-masing bersama fasilitator. Sesi bergambar beramai-ramai bersama tetamu kehormat lain turut dijadikan kenangan bagi kedua-dua siri Jelajah SWPP23 tahun ini. Selain itu, urus setia turut memaklumkan keputusan bagi peserta yang mara ke peringkat seterusnya akan diumumkan melalui kiriman e-mel.

### Barisan Fasilitator

#### *Hari Pertama*

- 1 YB Puan Phee Syn Tze
- 2 YBrs Puan Aida Haji Yusof Rawa
- 3 YBrs Puan Tan Soo Siang
- 4 YBrs Puan Mily Goh Huey Ee
- 5 YBrs Nurhafiza Huda Idris
- 6 YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani

#### *Hari Kedua*

- 1 YB Tuan Goh Choon Aik
- 2 YB Puan Connie Tan Hooi Peng
- 3 YBrs Puan Aida Haji Yusof Rawa
- 4 YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani
- 5 YBhg Puan Nurfarah Zafirah
- 6 YBrs Puan Rodziah Abul Khassim



“

Anda perlu bertindak agresif pertahan diri jika ada yang menghalang atau menidakkkan keupayaan anda. Sebagai ahli politik wanita, pelbagai situasi perlu dirancang dengan baik dan sediakan beberapa pelan tindakan lain sekiranya pelan pertama gagal.

**YB Puan Lim Siew Khim  
EXCO Pembangunan Sosial,  
Kebajikan dan Hal Ehwal  
Bukan Islam**



# Bengkel Pembangunan Kapasiti

23 & 24 September 2023

Penilaian peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) diteruskan dengan saringan fasa kedua dalam Bengkel Pembangunan Kapasiti (BPK) selama dua (2) hari di Hotel Sunway Seberang Jaya. Ini merupakan tapisan akhir pemilihan 40 peserta yang akan mara ke kemuncak yang dijadualkan berlangsung pada 2 Disember 2023 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Kehadiran 81 peserta yang berjaya melepas penilaian fasa pertama lalu rata-rata kelihatan teruja dan penuh bersemangat untuk meneruskan langkah gemilang mereka mengharungi tapisan fasa kedua ini. Sesi bengkel serta penilaian peserta akan diteruskan melalui beberapa pengisian padat sepanjang bengkel dua hari ini.

Bengkel ini telah dirangka untuk mempersiapkan peserta dengan kemahiran dan pemahaman mengenai sistem demokrasi di Malaysia. Pendekatan pengisian bersifat inklusif dan menyentuh secara langsung aspek berpolitik dalam kalangan pemimpin wanita termasuk pemahaman gender, perjalanan dan peranan seorang wakil rakyat sama ada di Dewan Rakyat (Parlimen), Dewan Negara maupun di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pada hari pertama bengkel, sesi penilaian peserta akan dilakukan pada sebelah petang merangkumi tugas individu melalui pengucapan awam serta sesi advokasi dalam kumpulan kecil. Kedua-dua tugas ini merupakan proses penilaian akhir dan setiap peserta berpeluang untuk tonjolkan idea dan kebijakan mereka dalam mengolah isu yang dikupas.

Wakil rakyat terdiri daripada Ahli Parlimen (MP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah dijemput untuk menjadi Fasilitator dan

Penilai bagi kedua-dua sesi ini. Sesi ini secara langsung telah memberi peluang interaksi terus peserta dengan wakil rakyat berkaitan isu mahupun cadangan bersandarkan fakta yang wujud bagi menyokong hujah mereka.

## Perasmian BPK SWPP23

Disempurnakan oleh YB Puan Lim Siew Khim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan sambutan penyertaan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) masih menerima sambutan luar biasa apabila berjaya mengulangi kejayaan menarik pendaftaran peserta dari luar Pulau Pinang.

Katanya, di peringkat awal penyertaan kali ini ada sedikit perkembangan, terdapat peserta yang hadir dari Kedah, Selangor, Johor dan Kuala Lumpur. Malah jika diteliti dari sudut keanggotaan peserta dalam Parti Politik juga menunjukkan kepelbagai.

Malah ujarnya, ini jadi bukti Sidang Wanita diterima baik dan merupakan platform bagi wanita melatih diri untuk bergelar pemimpin politik. Peserta juga didedahkan dengan realiti sebenar pahit manis parti-parti politik, sistem kerajaan, peranan cabang eksekutif dan legislatif serta amalan demokrasi yang diamalkan di Pulau Pinang dan Malaysia.

Kerajaan Negeri sentiasa menjuarai agenda memperkasakan wanita dan sekali lagi ia terbukti melalui program Sidang Wanita yang mampu menjadi titik tolak perubahan besar dalam kancan politik tempatan dengan merintis penyertaan wanita. Usaha ini terus dilaksanakan kerana jurang ketara dalam kalangan lelaki dan wanita dalam politik jadi cabaran yang perlu semua pihak berkepentingan menyahutnya.



YB Puan Heng Lee Lee, ADUN Berapit merangkap Pengurus Jawatankuasa Petugas SWPP23



YB Puan Lim Siew Khim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam

"Keadaan ini lebih kritikal apabila keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 dan keputusan Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang ke-15 tidak memihak kepada wanita. Walaupun kita sering dengar parti-parti politik melaungkan agenda wanita menjelang pilihan raya, hakikatnya peratusan wanita sebagai penggubal undang-undang semakin mengecil."

"Hari ini Ahli Parliment Wanita di Dewan Rakyat hanyalah 32 orang atau 14% sahaja daripada 222 jumlah kerusi Parlimen. Data ini menguncup jika dibandingkan dengan penggal lepas seramai 33 Ahli Parliment Wanita (15%)."

"Pulau Pinang turut menunjukkan trend sama apabila jumlah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita kini hanya tinggal 4 orang (10%) daripada 40 jumlah kerusi. Penggal lalu terdapat 6 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita (15%) dengan dua daripadanya dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Namun demikian penggal kali ini, hanya saya seorang wakil wanita dalam EXCO," ujarnya.

Justeru itu, berdasarkan kepada data-data ini, kita mahukan lebih besar komposisi wanita untuk berada pada peringkat pembuat keputusan. Ini adalah kerana kita mahu pastikan segala undang-undang serta dasar-dasar yang digubal akan lebih terangkum dan seimbang.

Beliau turut menasihati para peserta untuk menjadikan program ini sebagai batu loncatan dan titik permulaan mereka tonjolkan diri sebagai pemimpin politik. Pesannya lagi, setiap hari adalah proses pembelajaran untuk membentuk diri jadi pemimpin efektif dan berwibawa walaupun di tahap mana kedudukan.

Akhir kata, YB Puan Lim Siew Khim mahu para peserta sentiasa mencuri ruang dan kesempatan yang ada supaya terus bersuara dan ketengahkan idea dan membahas isu berkaitan masyarakat meliputi wanita serta lelaki terutama dalam hal kesaksamaan gender serta pemerkasaan wanita. Penyertaan aktif wanita dapat menyuburkan demokrasi dalam bernegara.

Turut berucap pada majlis tersebut adalah YB Puan Heng Lee Lee yang merupakan Pengurus Jawatankuasa Petugas SWPP23. Dalam ucapannya beliau telah memperincikan pengisian BPK SWPP23 selama dua hari. Beliau turut berterima kasih kepada semua speaker, fasilitator, penilai dan sukarelawan yang terlibat sepanjang program berlangsung.

Hadir sama pada majlis tersebut YB Puan Connie Tan Hooi Peng, YB Tuan Calvin Kumaran Krishnan, YBrs Puan Kasthuriraani Patto, YBrs Puan Aida Yusof Rawa, YBhg Dato' Ong Bee Leng, Ahli-Ahli Majlis dan barisan alumni Sidang Wanita Pulau Pinang.





**“**Pada awal kerjaya politik saya, tidak ada program seperti Sidang Wanita atau platform untuk menggalakkan penyertaan wanita bergiat dalam politik. Anda semua bertuah, saya bertanding PRU-14 pada 2018 tanpa sebarang pendedahan awal, saya belajar melalui pengalaman dan tinjauan sendiri (*self taught*) melalui wakil rakyat lain.

**YB Puan Heng Lee Lee**  
Pengerusi Jawatankuasa Petugas  
Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

# *Sudut Pandang:* **Suara Mengecil, Di Mana Wanita?**

Menampilkan dua panel yang arif dalam percaturan politik masing-masing iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, YB Puan Connie Tan Hooi Peng bersama Ahli Lembaga Pengarah PWDC, YBrs Puan Kasthuriraani Patto untuk berkongsi buah fikiran menjawab persoalan sesi ini.

Pertama tampil berkongsi pandangan berkenaan tajuk, YB Puan Connie Tan Hooi Peng memulakan sesinya dengan berkongsi sedikit sebanyak berkenaan latar belakangnya sejak mula menapak dalam parti politik sejurus tamat pengajian dalam jurusan undang-undang. Ekoran kancah politik semasa yang pelbagai ragam dan kepincangan dalam pentadbiran kerajaan terdahulu telah menarik minatnya untuk sama-sama menyuarakan angin perubahan.

Katanya, meskipun angka Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Wanita kecil, namun kita berasih baik kerana beberapa organisasi atau agensi penting milik kerajaan negeri diterajui oleh pemimpin wanita yang dilantik pentadbiran negeri. Ini juga dapat kita lihat apabila lantikan kerusi nombor satu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pernah disandang pemimpin wanita berkebolehan pada ketika itu. Maka itu, amat jelas sekali usaha yang digerakkan kepimpinan negeri ini bagi mengimbangi gender dalam kalangan wakil rakyat di negeri ini.

Situasi ini diberi perhatian oleh semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin parti dan pentadbiran negeri, maka itu usaha memperkasakan pemimpin wanita yang berkaliber perlu ditingkatkan dan lebih aktif ditonjolkan. Sidang Wanita Pulau Pinang (SWPP) ini adalah platform yang perlu diperluaskan dan beliau yakin angka wakil rakyat wanita akan membawa hasil. Katanya lagi, kelahiran beliau sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) hari ini banyak dipengaruhi sewaktu beliau menyertai SWPP yang pertama pada tahun 2020.

Seterusnya diteruskan oleh YBrs Puan Kasthuriraani Patto dengan pengenalan penglibatannya melalui politik yang banyak dipengaruhi keluarga terutamanya mendiang bapanya, Patto Perumal. Beliau menjadi saksi kepada jerih perih perjuangan bapanya meniti jalan politik sebagai blok pembangkang awal tahun 1980an hingga 1995 apabila meninggal dunia di usia 49 tahun.



Menyentuh persepsi melalui sudut pembangkang, beliau nekad terjun dalam politik pada tahun 2013 dan bertanding di Parlimen Batu Kawan atas tiket Parti DAP dan menang untuk dua penggal. Keupayaan beliau sewaktu bergelar wakil rakyat pembangkang dalam Parlimen dimanfaat sehabis baik untuk turut menyumbang buah fikirannya setiap kali sesi perbahasan dalam Dewan Rakyat. Ini termasuk juga tohmahan diskriminasi dan serangan peribadi ke atas dirinya yang kerap dilakukan oleh wakil-wakil rakyat lelaki yang tidak sehaluan dengan beliau.

Walau bagaimanapun katanya, memang ada penambahan jumlah wakil rakyat wanita dari penggal ke penggal setiap kali pilihan raya umum, memang telah wujud sebilangan Ahli Parlimen Wanita sejak PRU pertama lagi walau kecil peratus angkanya. Namun demikian, perkembangan ini kian melebar dan perkara ini memakan masa kerana arena politik ketika era dijajah kuasa asing dan pasca merdeka masih rapuh selain turut berdepan ancaman komunis.

Beliau menegaskan, politik bukan hanya untuk lelaki sahaja kerana wanita memegang jumlah undi yang sangat signifikan dan amat besar sekali. Nasihatnya kepada para peserta supaya sentiasa menambah ilmu dan kapasiti diri selain beranikan diri memanjat hierarki parti politik masing-masing untuk lebih dominan dan mampu teraju percaturan politik.

Sementara itu juga, pentas turut menerima beberapa soalan daripada peserta. Antaranya berkenaan model kepimpinan wanita yang boleh dirujuk atau diperkenalkan sebagai kerangka panduan. Dan bagi menjawab soalan itu, YBrs Puan Kasthuriraani Patto berkata Sidang Wanita Pulau Pinang (SWPP) ini merupakan model yang terbaik untuk diberi perhatian khusus kepada semua wanita yang mahu terlibat dalam politik. Malah katanya, model program ini juga mendapat perhatian khusus oleh pihak kerajaan persekutuan terutamanya daripada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu yang mahukan edisi yang sama dilakukan di peringkat nasional.



“ Kita perlu membina sendiri identiti dan reputasi kita dalam parti. Saya juga berharap pemimpin wanita kita mampu menerajui portfolio kementerian lain selain Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat sahaja. Saya teringin nak lihat wanita terajui Kementerian Dalam Negeri.

**Puan Kasthuriraani Patto**  
Mantan Ahli Parlimen Batu Kawan

“ Bukan senang kita nak naik menjadi pemimpin utama dan saya sendiri agak ralat kalau kehadiran pemimpin wanita itu hanya sekadar memenuhi kuota sahaja. Kita perlu membuktikan kapasiti dan kematangan politik kita dalam percaturan permainan ini. Sebab itu saya galakkan anda serta politik sedari umur belasan tahun

**YB Puan Connie Tan  
Hooi Peng  
ADUN Seri Delima**



# Demokrasi 101

Sesi khas ini dikendalikan oleh Dr. Nur Ajrun Khalid, Pensyarah Sains Politik, Universiti Sains Malaysia (USM) berkenaan sistem demokrasi dalam Malaysia melalui pengenalan peranan bidang tugas wakil rakyat serta fungsi Dewan Undangan Negeri (DUN), Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Penerangan berkenaan konsep sistem kerajaan berparlimen dan raja berperlembagaan itu beri pendedahan mengenai peranan seorang wakil rakyat sebagai penggubal undang-undang. Ini turut beri penjelasan kepada istilah perundangan yang jarang didengar seperti kertas putih, draf dan usul kerajaan yang sering digunakan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen.

Bagi undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dipanggil sebagai Enakmen berdasarkan peruntukan yang tidak membatasi kuasa Perlembagaan Persekutuan. DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang negerinya sendiri justeru setiap perkara perlu diteliti dan memerlukan semakan perundangan yang tepat agar selari dengan Perlembagaan Negara.

Beliau meneruskan penerangan mengenai bidang kuasa Dewan Rakyat yang merupakan institusi berperlembagaan kepada 222 Ahli Parlimen yang dipilih rakyat selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum. Mereka berperanan untuk hadir bersidang sebanyak tiga kali setahun di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur bagi menggubal atau melakukan semak dan imbang kepada pentadbiran kerajaan. Dewan Rakyat yang dipengerusikan oleh Speaker Dewan Rakyat bersama dua Timbalan Speaker adalah dilantik selepas menerima nasihat Perdana Menteri.

Keanggotaan dalam Dewan Negarajuga disentuh semasa sesi itu di mana hanya seramai 70 orang Ahli Dewan Negara atau Senator yang dipilih atau yang dilantik dalam satu-satu masa. Wakil dua orang Senator akan dilantik oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dari setiap negeri yang kemudian akan membentuk jumlah sebanyak 26 orang. Beliau turut menyentuh kuasa yang diperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik dua orang Senator bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Labuan, seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan 40 orang Senator lagi bagi seluruh Malaysia mengikut nasihat Perdana Menteri yang berjumlah sebanyak 44 orang.



## Dialog Wanita: Bersama Pemimpin Negeri Pulau Pinang

Peluang menyertai dialog bersama Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM1) Pulau Pinang, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang dikendalikan oleh moderator jemputan iaitu YBrs Dr. Zaireeni Azmi, Pensyarah Kanan Unit Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA). Sesi dialog yang berkisar dasar-dasar negeri serta persediaan YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid selaku muka baharu yang menyandang kerusi TKM1 merupakan perkara menarik yang dibincangkan.

Selain latar belakang selaku pengamal akademik dan perubahan kerjaya kepada seorang ahli politik, pandangan beliau mengenai impak wanita di barisan pentadbiran terutamanya selaku pembuat keputusan melahirkan pandangan berbeza. Katanya, jumlah golongan profesional wanita yang dilihat semakin melonjak dalam pelbagai sektor telah banyak mengubah budaya dan kebiasaan yang selama ini kurang diberi perhatian. Walaupun jurang gender masih besar namun katanya lagi, peratusan perbezaan itu sudah kian mengecil, meskipun pergerakannya perlahan. Menurutnya lagi, perkara berbangkit yang khusus perlu diberi penekanan sewajarnya dan hal ini adalah baik dan tepat jika melibatkan wanita itu sendiri selaku pembuat keputusan di meja rundingan.

Beliau turut berkongsi aspek lain yang turut dapat dilihat pada pemimpin wanita adalah melalui gaya kepimpinan yang ditunjukkan seorang ketua wanita itu dengan pendekatan berbeza dan ini sebenarnya beri impak positif dan secara tidak langsung menyemai budaya kerja baharu lebih-lebih lagi jika unit yang diketuainya itu ramai pekerja lelaki. Hierarki organisasi mungkin akan lebih serius atau sebaliknya dan itu semestinya merupakan gaya kepimpinan yang perlu dihormati tanpa prejudis.



Menyentuh berkenaan kepimpinan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang secara terus di bawah bidang kuasa Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM1) itu, beliau menyatakan setiap MPKK perlu terdiri daripada 30% atau lima (5) ahli jawatankuasa (AJK) untuk diisi oleh wanita. Ini sejajar dengan dasar kerajaan negeri iaitu Dasar Keterangkuman Gender serta Visi Penang2030. Pelantikan MPKK sesi 2021/2023 yang masih berkuatkuasa kini sudah mempunyai paling kurang lima orang AJK wanita daripada 15 ahli anggota bagi sesebuah MPKK.

Peranan melibatkan AJK wanita dalam MPKK amat diperlukan dan ia merupakan kaedah tepat bagi melancarkan fungsi MPKK itu sendiri dalam berdepan komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat. Interaksi ini akan lebih mudah mesra terutama apabila melibatkan program-program wanita atau kanak-kanak. Dengan adanya lebih ramai wanita dalam MPKK ia jadi satu faktor penarik kepada komuniti yang sebelum ini berasa kurang diwakili terutamanya golongan ibu-ibu tunggal. Sememangnya penglibatan wanita dalam saf kepimpinan MPKK beri gambaran jelas dan lebih terangkum kerana majoriti suri rumah di kampung-kampung adalah wanita.

Beliau turut mesra berinteraksi secara langsung dengan menjawab beberapa soalan peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23), YB TKM1 tertarik untuk berkongsi pandangannya berkenaan kemampuan mana-mana individu bergelar wakil rakyat waima lelaki mahupun wanita. Kemampuan serta kecerdasan seorang wakil rakyat menangani isu serta permasalahan berbangkit rakyat adalah diperlukan. Selain itu juga penting bagi wakil rakyat itu mempunyai personaliti yang mesra dan mudah didekati sama ada rakyat mahupun pihak berwajib yang berkenaan sebagai pengantara.

Malah keperluan wanita dalam pentas politik mutakhir ini amat diperlukan lebih-lebih dalam mendukung Visi Penang2030 yang menitikberatkan Dasar Keterangkuman Gender. Ini amat signifikan apabila wanita berada di posisi pembuat keputusan bagi projek awam seperti pembinaan kemudahan infrastruktur bagi manfaat semua tanpa membelakangi mana-mana kumpulan masyarakat. Katanya

lagi, dasar Kerajaan Negeri adalah jelas muh ujudkan suasana yang seimbang dengan pembangunan supaya tiada yang tercicir. Beliau juga turut menyatakan sokongan kepada para peserta untuk berjuang untuk mendapatkan peluang dengan terus menyatakan suara mereka dan turut menekankan bahawa seorang pemimpin itu boleh digilap melalui merit dan pengalaman.

## *Sesi Penilaian Pengucapan Awam & Advokasi*

Peserta dibahagikan kepada empat kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai kira-kira 16 orang peserta serta bilik berasingan iaitu bilik Jingga, Kuning, Ungu, Putih dan Biru. Pembahagian kumpulan adalah untuk sesi penilaian oleh fasilitator jemputan yang akan dijalankan berdasarkan dua tugas yang akan diberikan iaitu sesi pengucapan awam dan sesi advokasi.

Bagi sesi pengucapan awam, peserta diminta menyediakan teks secara individu semasa waktu rehat makan tengah hari berdasarkan beberapa tajuk yang telah ditetapkan. Masa yang diperuntukkan bagi setiap peserta hanyalah tiga minit. Seorang petugas akan bertindak sebagai penjaga masa.

### *Senarai Topik Pengucapan Awam*

- |   |                                   |   |                                   |
|---|-----------------------------------|---|-----------------------------------|
| 1 | Perwakilan wanita dalam politik   | 2 | Wanita mempunyai punca pendapatan |
| 3 | Keganasan seksual terhadap wanita | 4 | Keluarga selamat                  |
| 5 | Perkahwinan bawah umur            |   |                                   |



Peserta diminta tampil ke hadapan untuk menyampaikan teks pengucapan mereka menggunakan pembesar suara (mic) selain berketerampilan kemas dan bersahaja. Setiap peserta akan dinilai lebih dekat dan teliti berdasarkan kualiti penyampaian, pengetahuan, minat dan kreativiti mengenai topik yang dipilih.

Selesai penilaian individu, penilaian kedua diteruskan dengan membahagikan kumpulan dalam bilik yang sama. Para peserta akan diminta membentuk kumpulan kecil yang terdiri

daripada tiga hingga empat orang peserta untuk sesi advokasi. Setiap peserta mesti mengambil bahagian dan masa akan diberikan untuk membuat persiapan dan latihan berdasarkan topik yang diberikan. Selama 15 minit masa diberikan untuk sesi pembentangan advokasi dengan setiap ahli kumpulan ada masa tiga minit untuk menyampaikan hujah secara individu. Fasilitator akan menilai peserta secara individu dan melihat kerjasama semua ahli kumpulan dalam memainkan peranan masing-masing semasa pembentangan.

## Senarai Fasilitator

1 YB Puan Heng Lee Lee

2 YB Puan Connie Tan Hooi Peng

3 YBrs Puan Kasthuriraani Patto

4 YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah

5 YBrs Puan Aida Yusoff Rawa

## Lawatan Lapangan

Bengkel masuk hari kedua dimulakan awal pada pukul 7.00 pagi dengan setiap peserta dibahagikan mengikut kumpulan kecil mengikut wakil rakyat masing-masing untuk terus berada ke tapak sesi lawatan lapangan masing-masing. Pendedahan seperti ini memberi peluang kepada peserta merasai pengalaman sebenar wakil rakyat ketika menyantuni rakyat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.

Seramai lima orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terlibat dan bertindak selaku tuan rumah bagi mengetui lawatan lapangan di kawasan mereka. Peserta yang terlibat akan bergerak bersama ADUN untuk beramah mesra dengan masyarakat lapangan. Peserta diberi tugas untuk menyantuni masyarakat dan proses ini dipantau oleh ADUN yang bertindak selaku fasilitator penilai.


Melalui pengalaman ini juga peserta berpeluang bertanya dan mendalami denyut nadi masalah rakyat setempat selain membantu menyelesaikan isu berbangkit mengikut kapasiti mereka.





**YB Puan Phee Syn Tze**  
ADUN Sungai Puyu

**YB Tuan Goh Choon Aik**  
ADUN Bukit Tambun



**YB Tuan Kumaran Krishnan**  
ADUN Bagan Dalam



**YB Tuan Wong Yuee Harng**  
ADUN Pengkalan Kota



# Perkongsian Lawatan Lapangan



Puan Yew Su Fen

Beberapa perkara saya belajar daripada YB Tuan Wong Yuee Harng antaranya adalah anda tidak dapat menggembirakan semua orang sepanjang masa. Namun kalau anda boleh memuaskan hati majoriti penduduk maka jangan khuatir dengan minoriti yang akan menyebabkan kamu tidak tidur lama. YB juga pesan

supaya sebelum buat apa-apa keputusan perlu fikir beberapa kali dan pertimbangkan keputusan atau sebarang projek. Beliau juga berkongsi amalannya setiap kali selepas selesai bersidang di DUN untuk singgah turun padang ke warung kopitiam dan bergaul dengan rakyat supaya keluhan mereka boleh dijadikan panduan untuk input pembangunan masa depan.



Puan Zulikhah  
Abdul Talib

Keprihatinan selaku ADUN Bukit Tambun terserlah apabila YB sendiri turun memeriksa kunci air dahulu sebelum berjumpa dengan kumpulan kami di lokasi. Ini ekoran hujan lebat sejak awal pagi lagi dan kerisauan kemungkinan banjir kilat berlaku perlu ditangani sebelum terlambat. Ini adalah budaya yang perlu diterapkan sebagai wakil rakyat supaya sentiasa mendahulukan kebaikan rakyat. Ini termasuk kekerapan menjalankan program pemeriksaan kesihatan percuma bersama penduduk.



Puan Aini Najwa  
Othman

Apa yang boleh saya rumuskan adalah berkisar pengurusan masa kerana apabila menceburii bidang politik susunan jadual perlu diatur sebaiknya. Tak kira dalam situasi apa pun waima ribut atau kesesakan jalan raya, tiba tepat pada masanya mampu membantu gerak kerja selaku wakil rakyat. Interaksi YB Puan Phee Syn Tze bersama komuniti di Taman Tanjung Aman bersama Persatuan Kesedaran Jenayah dan kemudian dengan komuniti senamrolik melihatkan kecekapan komunikasi adalah penting mengikut kesesuaian. Perkara ini boleh dijadikan panduan untuk melatih diri berfikir secara kritis.



Puan Nur Shuhada  
Suntong

Perasaan teruja apabila dapat mengikuti wakil rakyat secara dekat dan ini telah mengubah pandangan saya terhadap tugas ADUN yang berkhidmat. Saya tidak mahu menjadi rakyat yang hanya tahu kritik tanpa mengetahui asal-usul sesuatu perkara. Dengan itu saya dapat faham dengan mudah susunan kerja seorang YB dan diharapkan dapat aplikasikannya ke dalam diri sendiri. Pendekatan santai ke tiga lokasi berlainan dalam masa dua jam itu sangat membuka mata saya.



Puan Elia Nadira  
Sabudin

Saya sempat bertanyakan tips kepada YB Tuan Goh Choon Aik berkenaan persediaan beliau sebelum dan semasa menghadiri sidang DUN. Antara yang dikongsi beliau adalah tidak takut untuk bertanyakan soalan serta suara mesti yakin ketika menyampaikan perbahasan yang sudah kita diselidiki dan kaji bersama fakta-fakta sokongan. Ini penting supaya apabila hujah kita dikritik atau dibidas kita mampu tanggungnya bersama maklumat yang sah selain memesan untuk sentiasa berterima kasih kepada pihak yang mengkritik itu."



“ Kita perlu mengubah persepsi kita bahawa kita perlukan pemimpin yang bervariasi. Kepelbagai pemimpin mampu beri inspirasi kepada kelompok yang berlainan. Meskipun jika anda seorang yang masih muda dan walaupun tidak punyai pengetahuan yang lengkap, kita tonjolkan potensi diri kita yang paling dekat dan kita yakin faktanya.

**YB Puan Jamaliah Jamaluddin  
EXCO Kesihatan Awam  
& Alam Sekitar**

# Liku Perjuangan Politik Ku

Sesi diteruskan tengah hari itu dengan perkongsian yang penuh dengan input berguna melalui pengalaman dua figura pemimpin wanita disegani berkenaan perjalanan jatuh bangun kerjaya politik mereka. Perkongsian berkisarkan detik mereka di bawah sewaktu belum dikenali. Sehingga kini kedua-dua pemimpin wanita ini menyandang kedudukan selesa selaku wakil rakyat dan pembuat keputusan.



“Sejarah perjuangan untuk memartabatkan wanita khususnya dalam posisi kepimpinan politik perlu berdepan hakikat jalan yang sukar yang menjadi penghalang. Halangan yang wujud meskipun berpunca individu wanita tersebut atau halangan dalam sesebuah sistem bermasyarakat itu. Ini tidak terkecuali juga tentang diskriminasi terhadap golongan wanita dalam institusi yang menyukarkan wanita untuk dapat maju seiring pencapaian golongan lelaki terutama dalam upah buruh yang diterima melalui statistik terkini hanyalah RM96.80 berbanding RM100 diterima pekerja lelaki. Inilah yangjadikan saya tidak gentar untuk lantang bersuara supaya ketidakadilan sosial ini dapat saya unjur melalui medan politik yang saya ceburi melalui jalan paling bawah. Pembelajaran yang terbaik yang saya lalui berdasarkan pengalaman realiti pahit ketika mahu diri ini dikenali dan mahu pandangan saya diambil kira dengan lebih serius! Nasihat saya adalah berikan anda masa sambil perhati dan belajar mengenal peluang yang betul supaya usaha dan sabar kita ini akan berhasil.”

YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu



“Saya sering menerima kritikan kerana diri saya seorang wanita muda yang dikatakan kurang berpengalaman dan mentah selain perwatakan sopan santun dan lembut saya disalahertikan sesetengah pihak. Ya, memang benar menjadi seorang ahli politik lantang itu sering menjadi perhatian. Namun dunia kepimpinan kini berlainan dan saya mahu beri pandangan berbeza mengenai keperluan semasa dalam etika berpolitik anak muda. Sifat dan perwatakan setiap pemimpin wanita yang pelbagai adalah kelebihan untuk kita mendekati rakyat secara dekat dan prihatin. Selaku pemimpin muda pelbagai cabaran kita berdepan dan proses ini adalah satu pelajaran selain mempunyai mentor di belakang kita untuk beri kita panduan. Penerimaan keluarga saya sewaktu mahu terlibat dalam politik tidaklah menyokong dan tidak juga melarang. Ini kerana dibesarkan dalam keluarga tradisional terutama sekali ibu saya, yang mengharapkan jalan dewasa saya berakhir dengan seorang suami yang baik. Namun demikian, itu bukanlah keutamaan saya dan seterusnya peluang yang dibuka pucuk pemimpin parti saya yang melihat keterujaan saya untuk berkhidmat membangun minda masyarakat dan ekonomi.”

YB Puan Jamaliah Jamaluddin

Tidak asing untuk diperkenalkan, figura pemimpin wanita yang dimaksudkan itu adalah YB Dato' Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Ahli Parliment Sepang) serta YB Puan Jamaliah Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar Negeri Selangor (ADUN Bandar Utama).



“

Antara perkara yang agak ‘rare’ saya pelajari adalah kita jangan mudah pandang rendah kepada pihak lawan atau mereka yang tak sependapat dengan kita. Kita kena cepat tangkap dengan dinamika pentas politik ini. Ada ketika pihak lawan itu akan jadi keperluan berada dalam blok sokongan kita.”

**YB Puan Fadhlina Sidek**  
Menteri Pendidikan

“

Saya nasihatkan siapa yang nak menjadi calon dan menyumbang selaku wakil rakyat, anda perlu jadi ahli parti. Sangat sukar atau hampir tidak mungkin jika perjuangan anda itu sebagai calon bebas di negara ini. Anda mesti menonjolkan diri anda agar pucuk pimpinan parti boleh nampak anda.”

**YBhg Dato' Seri  
Chong Eng**  
Penasihat Wanita DAP  
Malaysia





# Diskusi Panel: Patriarki Parti Sampai Bila?

Sesi panel tertutup ini dikendalikan YBrs Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah Syed Sheikh selaku moderator jemputan daripada Universiti Poly-Tech Malaysia. Mengetengahkan pemimpin wanita yang juga Menteri Pendidikan, YB Puan Fadhlina Sidek bersama ahli politik senior yang juga mantan EXCO negeri, YBhg Dato' Seri Chong Eng selaku panel jemputan. Kedua-dua ahli politik berpengaruh ini merupakan Ketua Sayap Wanita bagi parti politik masing-masing iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Bericara berkenaan amalan patriarki dalam kepimpinan perdana, YB Puan Fadhlina Sidek berpendapat individu wanita yang selaku pemimpin perlu bijak memainkan peranan kedudukan itu supaya tidak mudah membuka ruang kepada kritikan. Sebagai contoh apabila menjawab di dalam Parlimen, suara dan hujah selaku menteri perlulah menguasai ruang dewan itu dengan fakta-fakta tepat dan maklumat perancangan yang sentiasa dikemaskini supaya apa yang kita sampaikan itu jelas dan bersedia dengan akibat terutama isu berbangkit yang tidak selari dengan perancangan awalnya. Semua kata-kata dan maklumat yang dikongsi di dewan mulia itu adalah dokumen rasmi kerajaan, maka penyampaian sahih yang meyakinkan dapat menarik perhatian dewan untuk hadam butiran tersebut dengan lengkap. Ini dapat menonjolkan sisi tegas pemimpin wanita untuk mampu beraksi dalam kumpulan besar, maka itu tidak wujud budaya patriarki ini apabila gaya komunikasi kita dapat mengawal keadaan dan orang sekeliling pada satu-satu masa.

Sementara itu, berkongsi pandangan berbeza, YBhg Dato' Seri Chong Eng berpendapat bagi berdepan situasi dalam konteks yang dikuasai golongan lelaki, seseorang pemimpin wanita itu perlu lebih berhati-hati mendepani isu berkaitan supaya pendekatannya lebih bersifat inklusif. Ini bagi mencegah timbulnya penurunan kuasa majoriti mana-mana pihak jika pendekatan kita hanya mementingkan agenda wanita semata-mata. Selain itu selaku pemimpin wanita juga adalah menjadi keutamaan kita untuk mewakili

golongan wanita lain dalam percaturan pembangunan supaya jurang yang wujud dapat dikecilkan dengan melipatgandakan jumlah perwakilan muka baharu dalam kalangan wanita. Persaingan secara sihat demi kelestarian kepentingan semua pihak tanpa memprejudisikan mana-mana golongan. Kita sedar realiti sejarah kita yang sering melihat lelaki itu dominan, namun jika kita bijak guna peluang melalui merit yang kita miliki, kita juga mampu raih sokongan daripada semua golongan sama ada lelaki maupun wanita. Maka itu, adalah penting kita memahami keadaan padang permainan itu terlebih dahulu sebelum mengorak langkah ke hadapan.

Moderator turut menyentuh perihal keupayaan wanita yang sekadar berlegar pada kedudukan Ketua Sayap Wanita sahaja di dalam parti. Menjawab soalan tersebut, YB Puan Fadhlina Sidek berkata beliau juga ingin melihat bagaimana satu hari nanti tiada lagi sayap-sayap yang membentuk sesbuah parti dan bersandar kepada merit pemimpin-pemimpinnya sama ada lelaki atau wanita. Menyedari realiti dinamika politik tempatan, beliau tidak melihat itu boleh jadi model terbaik buat masa ini kerana rata-rata parti politik masih bergelut memperkuuhkan kedudukan parti masing-masing. Namun demikian, beliau berkata, dalam konteks PKR sendiri pernah mempunyai Presiden Wanita (Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail) sebelum ini dan kini dalam barisan Naib Presiden penggal ini yang turut disandang oleh seorang pemimpin wanita (Puan Nurul Izzah Anwar).

Oleh itu, usaha menarik lebih ramai wanita untuk menyumbang melalui wadah parti politik menjadi salah satu keutamaan kita agar lebih ramai yang tampil kerana PKR adalah sangat terbuka untuk ditandingi mana-mana posisi. Malah katanya, realiti sebenarnya adalah di peringkat pemilihan cabang di mana individu yang mahu bergelar pemimpin itu perlu melunakkan suara akar umbinya dahulu selain perlu melalui proses rundingan yang berperingkat. Inilah jalan permulaan yang perlu dilakukan seorang pemimpin wanita itu sebelum mula memanjang hierarki kedudukan parti yang lebih tinggi.



Dato' Seri Chong Eng, Penasihat Wanita DAP



YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan

Sementara itu, bagi DAP pula, YBhg Dato' Seri Chong Eng berpendapat seorang pemimpin wanita itu perlu mempunyai pengikutnya dalam kalangan akar umbi. Melalui pengaruh yang ada itu, beliau turut berkongsi betapa penting bagi mereka untuk sentiasa melobi dan bekerjasama dengan seramai mungkin pihak yang mempunyai kepentingan yang sama dan membentuk pakatan. Dengan cara itu sahaja seorang pemimpin itu boleh menang dalam pemilihan parti. Namun demikian katanya, sumber yang banyak dan kerjasama dengan ramai pihak yang menyokong itu perlu ada dan beliau turut mengingatkan bahawa usaha tersebut adalah sukar namun boleh dilakukan jika sanggup.

## *Wacana Tokoh: YB Puan Teo Nie Ching*

Pengisian padat pada sebelah petang diteruskan dengan agenda terakhir iaitu penampilan istimewa YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi Dan Digital yang juga Ahli Parlimen Kulai yang akan dikendalikan bersama oleh Dato' Ong Bee Leng selaku moderator bagi sesi tersebut. Menyusuri pembabitan awal politiknya daripada kerjaya seorang peguam kepada seorang Ahli Parlimen bermula tahun 2008 hingga dilantik menjawat Timbalan Menteri di beberapa kementerian. Menerangkan situasi tersebut, beliau yang ketika itu masih di dalam profesion perguaman melihat sistem perundangan negara terdapat perkara yang perlu diperbaiki dan kuasa perundangan itu terletak dalam kuasa hakim-hakim yang berperanan selaku kerajaan. Maka dengan itu beliau memilih untuk bertanding dalam PRU melalui kerusi Parlimen Serdang. Katanya, oleh kerana sifat degilnya yang mahu mengubah sistem kehakiman untuk pulih tanpa sebarang campur tangan luar.

"Saya percaya kepada sistem dua parti iaitu semak dan imbang yang mengasingkan terus sistem kehakiman supaya tidak menerima sebarang campur tangan kerajaan dalam menulis keputusan perundangan. Desakan itu hanya boleh berlaku apabila kita sendiri

Sesi tersebut turut membuka peluang interaksi bersama peserta. Perkongsian dan pertukaran pandangan serta idea baharu yang dipamerkan kedua-dua pemimpin ini begitu menarik melalui konteks gaya kepimpinan masing-masing. Ini mendapat maklum balas baik dalam kalangan peserta yang rata-rata teruja dan jadi inspirasi atas sikap dan disiplin kerja politik tokoh berdua itu. Selain itu, keinginan mahu belajar perkara baharu amat dikagumi dan wajar menjadi teladan para peserta.



berada dalam sistem yang sama. Maka itu, saya banyak kali menyuarakannya di Parlimen agar sistem kehakiman negara bebas dan adil dalam menjatuhkan hukumannya." katanya.

Ditanya mengenai stereotaip gender yang berlaku dalam kalangan pengamal media, beliau berkata adalah menjadi peranannya untuk memecahkan tembok stereotaip yang berlaku dalam amalan media dan pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kita berjaya mengeluarkan satu kod etika penyiaran untuk panduan dan kegunaan para pengamal media dan pihak pengiklanan sama ada cetak atau penyiaran. Sebagai contoh isu keganasan domestik rumah tangga sering dipaparkan dalam drama televisyen tempatan iaitu perbuatan watak suami yang kerap memukul

isterinya dan kemudian akan dimaafkan. Ini adalah satu contoh yang kita tidak mahu ia dijadikan satu kebiasaan untuk tontonan. Dan kita mahu mendidik suri rumah yang berdepan situasi sama dengan adegan drama tersebut bahawa perlakuan itu adalah satu jenayah yang perlu dihentikan dan boleh diambil tindakan undang-undang.

Menyentuh soal politik semasa berkenaan kecenderungan parti politik meletakkan calon ‘parachute’ berbanding calon daripada akar umbi parti, menjawab soalan itu YB Puan Teo Nie Ching berkata keperluan meletakkan calon yang bukan daripada akar umbi adalah wajar mengikut kesesuaian kawasan yang ditandinginya.

“Terutama sekali bagi DAP kerana parti sendiri tak cukup besar dan untuk mencari calon yang sesuai adalah sukar dan kaedah calon ‘parachute’ ini adalah satu bentuk pelaburan bagi pihak parti sendiri yang yakin kemampuannya untuk memenangi kerusi Parlimen itu.

“Namun keadaan ini akan beri kesan semula kepada parti jika tindakan YB berkenaan tidak sehaluan dengan matlamat perjuangan parti malah lebih teruk lagi apabila soal kesetiaannya pada parti jadi ancaman kerana tidak mempunyai integriti selaku ahli parti.

“Menyedari keadaan DAP yang sudah masuk penggal kedua menjadi sebahagian daripada

Kerajaan Persekutuan, maka sudah ramai dalam kalangan ahli DAP kini berperanan sebagai Ahli Majlis, ADUN dan Ahli Parlimen. Jadi menjadi logik bagi kita memberi peluang kepada mereka menjadi calon,” ujarnya.

Turut berinteraksi bersama peserta melalui sesi soal jawab terbuka, antara yang mencuri tumpuan adalah mengenai isu *scammer* di media-media sosial yang berleluasa dalam kalangan warga emas. Dengan nada tegas beliau memberitahu usaha untuk memaklumkan amaran penipuan *scammer* pada setiap paparan media elektronik dilakukan. Namun sayangnya, kebanyakkan pengguna terus menekan tutup paparan tersebut tanpa membaca. Maka itu, kita akan terus menerus memperluaskan usaha mendidik dan menyekat mana-mana pihak yang cuba mengambil tindakan memeras wang secara dalam talian ini.

Bagi menutup sesi soal jawab, beliau turut berkongsi perkembangan terkini taktik penipuan *scammer* melalui teknologi AI (kecerdasan buatan) yang kini boleh meniru suara dan wajah mana-mana individu dengan niat jahat. Dengan itu beliau menasihati agar kita berhati-hati setiap kali memuat naik gambar kita di media sosial.

Penutup bengkel itu disudahi dengan sesi fotografi bersama. Selain itu, urus setia turut memaklumkan keputusan bagi peserta yang mara ke peringkat seterusnya akan diumumkan melalui kiriman emel



YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi Dan Digital



Antara peserta yang turut serta bertanyakan soalan pada sesi Wacana Tokoh SWPP23



YBhg Dato' Ong Bee Leng mengendalikan pusingan pertama sebelum sesi dibuka kepada soalan bersama peserta SWPP23



“

Selaku wanita kita ada pilihan dan pilihlah suami yang menyokong dan faham kerjaya anda supaya anda boleh kembangkan potensi diri anda sepenuhnya. Dan memang akan ada ahli keluarga kita yang tidak menyokong, maka dengan itu fahamkan mereka bahawa kerjaya politik ini tidak kotor. Ia mengenai masa depan negara kita, sokongan itu akan datang kemudiannya.”



**YB Puan Teo Nie Ching**  
Timbalan Menteri Komunikasi  
Dan Digital

**“** Selalu orang kata pemimpin itu dilahirkan, bukan dibentuk. Tapi saya setuju bahawa seorang pemimpin itu perlu digilap dan dipupuk. **Setiap daripada kita adalah pemimpin ke atas diri kita.** Sebagai contoh bagaimana kita hendak mencorak diri kita sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan bertanggungjawab.

YB Dato' Dr Mohamad  
Abdul Hamid  
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau  
Pinang





# Pemilihan Akhir Perwakilan SWPP23

Analisis hasil penilaian dan penetapan konstituensi dan penentuan peranan perwakilan

Empat puluh (40) kerusi atau konstituensi dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menanti peserta yang layak untuk ke Fasa 3 dan Fasa 4. Setelah melalui dua proses saringan dan penilaian, Jawatankuasa Pemilih Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 telah dibentuk untuk menentukan peserta yang layak ke hari persidangan. 40 daripada 81 peserta akan dipilih dan ditetapkan konstituensi mengikut situasi semasa DUN yang sebenar.

Jawatankuasa pemilih terdiri daripada Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) dan pasukan sekretariat yang dipengerusikan oleh YB Puan Heng Lee Lee, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit. Anggota lain yang turut serta adalah YB Puan Connie Tan Hooi Peng, YB Tuan Goh Choon Aik, YBrs Puan Kasthuriraani Patto, YBrs Puan Aida Yusof Rawa, YBrs Puan Nor Hafizah Othman, YBhg Dato' Ong Bee Leng.

Proses pemilihan dimulakan dengan analisis awal yang dilakukan oleh Sekretariat Sidang Wanita 2023. Markah-markah dan ulasan yang diterima oleh perwakilan ketika Sesi Pengucapan Awam

dan Sesi Advokasi di Bengkel Pembangunan Kapasiti telah dijumlahkan.

Encik Izwan Ali Imran Wazani telah membentangkan peserta terbaik yang disenarai pendek berdasarkan penjumlahan markah kepada mesyuarat akhir berlangsung pada 27 September 2023. Sekretariat yang turut serta adalah, Puan Magleswary Subramaniam, Encik Amirul Aiman Anuar, Puan Rafieqah Mohd Razlan, Puan Nurul Hanis Isnin, Cik Mazidah Musa dan Encik Muhammad Farid Arshad Foad.

Sekretariat bertanggungjawab memberi input-input tambahan kepada panel pemilih untuk mereka mengenal pasti peserta agar penetapan perwakilan dapat disusun dengan baik. Peserta yang disenarai pendek juga dinilai berdasarkan pengalaman kerja, latar belakang bidang pendidikan, khidmat komuniti dan isu yang akan diperjuangkan. Kriteria-kriteria ini akan menentukan peranan perwakilan yang akan diberi agar selari dengan kepakaran dan pengalaman yang mereka ada.

## Peranan Perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

Peranan	Jumlah Perwakilan
1. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)	11
2. Penyokong Kerajaan (Backbencher)	18
3. Pembangkang	11

Peranan perwakilan yang ditetapkan adalah mengikut format pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komposisi asal Dewan Undangan Negeri (DUN). Proses pemilihan berjalan lancar dengan semua panel pemilih

berpuas hati dengan analisis awal yang telah disediakan oleh pihak sekretariat. Senarai nama peserta yang berjaya diumumkan melalui laman Facebook Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada 29 September 2023.

# Bengkel Persediaan Perwakilan

## Taklimat Tatacara Perbahasan dan Persediaan Akhir Perwakilan

Empat puluh (40) perwakilan terpilih telah dihimpunkan di Auditorium A, KOMTAR untuk Bengkel Persediaan Perwakilan. Fasa ini adalah proses akhir untuk mempersiapkan para perwakilan agar lebih faham format dan proses persidangan.

Setiap perwakilan perlu memberikan perhatian penuh kerana mereka perlu benar-benar faham format dan tatacara untuk bersidang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang. Pengisian bengkel ini lebih bersifat teknikal yang mana peserta perlu memahami proses pra-persidangan dan hari persidangan.

Proses pra-persidangan akan melibatkan penghantaran Soalan Lisan dan Soalan Bertulis oleh Backbencher dan Pembangkang. Selain itu, perwakilan juga perlu menyediakan teks perbahasan untuk hari persidangan kelak. Soalan dan perbahasan mestilah terkait dengan isu semasa dan tidak boleh ditulis sewenang-wenangnya.

Perwakilan yang berperanan sebagai EXCO perlu menyediakan jawapan kepada soalan yang telah dihantar yang mana akan dibentangkan secara bertulis dan lisan pada hari persidangan kelak. Proses ini penting untuk perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) bekerja rapat dengan Pejabat EXCO sebenar bagi mendapat jawapan yang tepat.

Bengkel telah dimulakan dengan pengumuman konstitusi perwakilan oleh YB Puan Heng Lee Lee yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemilih. Perwakilan yang awalnya dilihat berdebar menyambut baik pengumuman tersebut dan bersedia untuk memberikan komitmen dalam menjayakan hari persidangan. Kemudian bengkel diteruskan dengan perkongsian daripada YBrs Puan Kasthuriraani Patto yang merupakan mantan Ahli Parlimen. Beliau berkongsi petua-petua untuk mengemukakan soalan dan topik-topik yang sesuai untuk dibahaskan kelak. YBrs Puan Aida Yusuf Rawa turut berkongsi pandangan dan

menyeru semua perwakilan untuk turun ke lapangan bertemu dan menyelami denyut nadi rakyat.

Selain itu, pendedahan kepada bahan bacaan seperti surat khabar atau portal berita atas talian juga penting termasuk mendengar siaran audio (*podcast*) yang berkaitan bagi meningkatkan lagi penguasaan dalam isu-isu semasa. Ini membantu dari sudut pemahaman melalui pelbagai sumber.

Kemudian bengkel diteruskan dengan perkongsian daripada YB Tuan Goh Choon Aik dan YB Puan Connie Tan Hooi Peng yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pulau Pinang. Perkongsian mereka lebih berkisar tentang tatacara berbahas dalam dewan. Bahagian-bahagian penting dalam peraturan mesyuarat perlu diberi perhatian oleh setiap peserta untuk memastikan kelancaran program.

Peserta juga digalakkan untuk berusaha bergerak atas inisiatif sendiri mendampingi wakil rakyat sama ada Ahli Majlis atau berkomunikasi dengan pihak Pejabat KADUN agar input yang ingin disampaikan nanti tidak direka-reka tanpa usul periksa. Latihan membaca teks yang disediakan juga penting supaya penyampaian semasa bersidang nanti lancar dan menepati masa.

Usai sesi perkongsian, taklimat perincian tugasan perwakilan telah dikendalikan oleh Encik Izwan Ali Imran Wazani. Tugasan diterangkan diperincikan satu-persatu dan tarikh-tarikh penting diberikan untuk peserta mendapat gambaran lengkap perjalanan persidangan.

Kemudian taklimat diteruskan dengan teknik soal jawab dan peraturan-peraturan semasa sesi persidangan. Peraturan-peraturan perbahasan yang terdapat dalam Peraturan Rasmi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (*Standing Orders*) turut diterangkan agar peserta maklum dengan perkara ini.





“

Sebagai Wakil Rakyat kita mesti berani untuk mengkritik, namun kritikan yang diberikan mestilah membina dan untuk kepentingan rakyat. Maka, kita perlu turun padang dan mendalami denyut nadi rakyat untuk menzahirkan hasrat mereka.

**YB Tuan Goh Choon Aik**  
ADUN Bukit Tambun

“

Guna peluang dan platform yang ada sebaiknya, maka itu persediaan mengenai isu-isu semasa penting untuk kita sentiasa ke hadapan dalam berkongsi idea dan pandangan yang segar untuk kepentingan pembangunan dan kebajikan rakyat. Jangan takut nak suarakan pendapat jika ia melibatkan kepentingan rakyat.

**Puan Aida Yusoff Rawa**  
Ahli Lembaga Pengarah,  
PWDC





# Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis

Proses penghantaran soalan lisan dan soalan bertulis untuk persidangan

Proses pra-persidangan adalah komponen penting yang perlu dilalui oleh barisan perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP2023). Sebelum persidangan, perwakilan yang berperanan sebagai Penyokong Kerajaan (backbencher) dan pembangkang perlu menghantar satu (1) Soalan Lisan dan dua (2) Soalan Bertulis. Setiap perwakilan diberi 14 hari untuk turun ke lapangan mengikut konstituensi masing-masing bagi memastikan soalan dihantar selaras dengan isu kawasan.

Para perwakilan mengambil peluang bertemu dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang sebenar untuk mendapatkan input, pandangan dan petua-petua untuk hari persidangan. Ini adalah penting untuk memastikan soalan dan teks perbahasan adalah relevan dan menepati keperluan semasa. Setiap perwakilan diberikan portfolio tertentu untuk memastikan portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) disentuh.

Soalan yang diterima dimajukan kepada perwakilan yang berperanan sebagai EXCO yang berkaitan untuk dijawab pada hari persidangan. EXCO Sidang Wanita akan melakukan kajian dengan merujuk penyata rasmi (hansard), video perbahasan dewan dan rujukan arkib Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk mendapat jawapan.

Pertemuan bersama EXCO Kerajaan Negeri serta kerjasama rapat dengan pejabat Pegawai Khas EXCO memberikan satu pengalaman luar biasa. Perwakilan mendapat nasihat dan input secara terus dari wakil rakyat yang sebenar.

Tempoh penyediaan jawapan adalah 14 hari yang memerlukan sekretariat menyunting setiap jawapan sebelum dicetak sebagai bahan edaran untuk rujukan pada hari persidangan. Kesemua Soalan Lisan dan Bertulis telah disiapkan format dan amalan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sebenar.

Sekretariat dan sukarelawan SWPP23 yang terdiri daripada bekas peserta Sidang Wanita tahun-tahun lalu turut memain peranan sebagai pembimbing untuk memastikan kelancaran proses ini. Pertemuan dibuat secara dalam talian termasuklah perbincangan dalam kumpulan kecil barisan EXCO, backbencher mahupun pembangkang.

Proses pra-persidangan ini memberikan satu pengalaman dan pengajaran besar buat para perwakilan. Mereka berpeluang berdepan dengan rakyat serta membuat pertemuan dua mata bersama pemimpin negeri.

# *Sidang Wanita Pulau Pinang 2023*



DEWAN UNDANGAN NEGERI





# Hari Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023

Persidangan mirip Dewan Undangan Negeri sebenar

**H**ari kemuncak Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) dimulakan dengan sesi bergambar bersama Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, YB Dato' Law Choo Kiang di hadapan bangunan ikonik Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang. Turut serta dalam sesi bergambar adalah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Jawatankuasa Petugas.

Barisan sekretariat, sukarelawan dan petugas teknikal telah bersedia sejak awal pagi bagi mempersiapkan hari kemuncak ini. Seperti tahun-tahun lalu, persidangan ini disiarkan secara dalam talian ke seluruh dunia melalui laman Facebook PWDC Malaysia.

## Majlis Perasmian

Pagi yang penuh sejarah bagi 40 perwakilan terpilih itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu sebagai pembuka seri pagi itu kepada gelanggang tempur 40 perwakilan yang penuh etika itu.

Dalam ucapannya, beliau berkata, jurang gender yang ketara dalam kalangan lelaki dan wanita menjadi cabaran besar untuk kerajaan pada hari ini. Jumlah Ahli Parlimen Wanita dalam Dewan Rakyat hanyalah 32 orang atau 14% daripada 222 jumlah kerusi di Parlimen.

Langkah proaktif perlu segera dilakukan dengan menyalurkan bakat-bakat pemimpin

wanita ini supaya dapat diketengahkan dalam landskap politik tempatan dan ruang perlu dibuka agar lompong idea berkisar isu wanita dapat diketengahkan dan diselesaikan secara tuntas.

"Ambillah peluang ini sebaiknya untuk menimba ilmu dan pengalaman dan jadikan pentas ini sebagai batu loncatan sebelum anda mengorak langkah lebih jauh ke depan dalam menceburkan diri dalam politik," nasihatnya di akhir ucapan.

Sementara itu, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, YB Puan Lim Siew Khim dalam ucapan perasmianya berkata, tahniah kepada semua 40 perwakilan yang berjaya sehingga ke peringkat akhir persidangan hari ini.

Katanya, tahun ini masuk edisi keempat penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang (SWPP) dan setakat ini kita telah melahirkan 160 pemimpin wanita mewarnai pentas politik di pelbagai peringkat.

"Jika dikumpulkan secara kumulatif secara keseluruhan kita telah berjaya melatih dan membangunkan kapasiti lebih 600 wanita sepanjang program Sidang Wanita yang pertama pada tahun 2020.

"Keunikan program ini adalah kerana penyertaannya daripada pelbagai lapisan termasuk dalam kalangan profesional, usahawan dan mahasiswa. Ini penting untuk memastikan persidangan ini terangkum dan menghasilkan perbincangan optimum," ujarnya.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YB Puan Lim Siew Khim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam





### Pengumuman Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Persidangan Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 (SWPP23) bermula apabila Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan Yang di-Pertua Dewan, YB Dato' Law Choo Kiang untuk mempengerusikan mesyuarat. Agenda dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Dewan dan diteruskan dengan pengumuman oleh Yang di-Pertua Dewan.

Dato' Yang di-Pertua mengumumkan bahawa Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menetapkan 2 Disember 2023 sebagai hari Mesyuarat Keempat Sidang Wanita Pulau Pinang melalui pengisytiharan pada 7 Oktober 2023.



Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah kepada 40 perwakilan yang terpilih daripada ratusan yang memohon di peringkat awal. Semua perwakilan yang ada pada hari ini telah berjaya menyiapkan tugas pra-persidangan dan hari ini adalah hari kemuncak untuk berbahas dalam DUN.

Dato' Yang di-Pertua mengingatkan semua perwakilan yang mereka perlu faham apa sebenarnya peranan yang mereka bawa dalam DUN. Tambahnya, DUN adalah badan perundangan yang tertinggi di peringkat negeri manakala di persekutuan adalah parlimen.

Dalam bahasa mudah, peranan seorang wakil rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah untuk membawa suara rakyat ke DUN. Kedua, adalah berkaitan kewangan di mana belanjawan dibentang, disemak dan diluluskan di dalam DUN. Manakala yang ketiga, menggubal undang-undang di peringkat negeri seperti enakmen dan akta.

Peranan ADUN sangat penting untuk semak dan imbang bukan hanya untuk berbahas dan membuat kekecohan semata-mata. Ramai yang beranggapan tanggungjawab dalam dewan adalah terletak di bahu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Eksekutif semata-mata. Hakikatnya tidak, Penyokong Kerajaan (*Backbencher*) mahupun pembangkang punya peranan penting sebagai penggubal undang-undang.

Di akhir pengumuman, beliau memaklumkan bahawa persidangan kali ini telah menerima sebanyak 29 soalan lisan, 58 soalan bertulis dan satu usul yang akan dibentangkan dan dibahaskan. Usai pengumuman, beliau terus mempengerusikan mesyuarat keempat dan memaklumkan bahawa persidangan akan dijalankan sehingga semua urusan selesai.

# *Soalan Lisan & Soalan Bertulis*

Persidangan dimulakan dengan sesi soalan bertulis apabila Dato' Yang di-Pertua menjemput Dr. Teoh Hong Kean selaku Ketua Menteri SWPP23 untuk memulakan sesi. Puan Dr Teoh bangun dan memaklumkan kepada dewan bahawa jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja Ahli yang bertanya, selaras dengan Subperaturan 15(1)(h), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi. Mengikut amalan persidangan DUN yang sebenar setiap butiran perbahasan persidangan akan dicatat secara teliti dan transkrip ini dikenali sebagai Penyata Rasmi (Hansard).

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah dilengkapkan oleh barisan EXCO lebih awal disunting serta dicetak dan kemudian diletakkan di meja para perwakilan sebelum persidangan. Selesai pengumuman oleh ketua menteri, persidangan diteruskan dengan sesi soalan lisan daripada backbencher dan pembangkang.

Pembuka sesi adalah Perwakilan Bertam, Puan Norazida Mat Nayan yang mengajukan soalan pertama kepada Puan Ketua Menteri berkaitan sumbangan keperluan harian kepada asnaf daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

(YADIM). Selain daripada bantuan keperluan harian, adakah kerajaan boleh menyediakan ruang pekerjaan kepada ahli keluarga asnaf tersebut.

Puan Ketua Menteri bangun menjawab dengan menerangkan serba-sedikit tentang asnaf dan bantuan zakat yang disalurkan kepada asnaf melalui Zakat Pulau Pinang. Menjawab tentang peluang pekerjaan, beliau menerangkan bahawa kerajaan negeri telah menubuhkan Pusat Penang2030 adalah untuk memperkasa rakyat (terutamanya golongan B40) bagi memperkuuh penyertaan melalui inisiatif strategik dalam kehidupan masyarakat. Kerajaan negeri komited untuk memperkasa program pembangunan insan yang berkonseptan bimbingan dan latihan secara berterusan.

Sesi soalan lisan diteruskan sehingga selesai 29 soalan yang telah dihantar kepada pihak sekretariat. Dato' Yang di-Pertua berjaya mengawal dewan dengan baik walaupun keadaan dewan kadang kala panas dengan celahan dari barisan pembangkang yang kurang berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh barisan EXCO. Kesemua 29 soalan lisan adalah meliputi semua portfolio EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Antara reaksi Perwakilan SWPP23 semasa Sesi Soalan Lisan & Soalan Bertulis yang saling tangkas bertanya dan menjawab termasuk celahan daripada beberapa perwakilan.



## Sesi Perbahasan

Seramai 29 pembahas dalam kalangan backbencher dan pembangkang mengambil bahagian dalam sesi ini. Dato' Yang di-Pertua memulakan gelanggang perbahasan dengan menjemput Perwakilan Sungai Dua, Puan Aini Najwa Othman bagi memulakan sesi dengan memberi masa tambahan khas kepadanya yang juga selaku Ketua Pembangkang.

Memilih tema pendidikan di dalam perbahasannya, katanya, pendidikan formal sehingga Tahun Enam perlu menekankan konsep ilmu kemanusiaan selaras dengan kehebatan akademik agar selaras konsep "Pendidikan Manusiaawi" di Kementerian Pendidikan.

Tambahnya, misi tersebut bagi mewujudkan sistem pendidikan yang memupuk kanak-kanak dan belia menjadi penyumbang yang baik, berakhlik mulia dan positif kepada pertumbuhan negara yang merangkumi anjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

"Pendidikan berteraskan watak dan nilai merupakan komponen penting dalam rangka kerja pendidikan negara dengan menitikberatkan pemupukan nilai dan moral bagi membangunkan individu yang serba lengkap, malah menyumbang secara positif kepada pembentukan sahsiah masyarakat adalah satu pelaburan modal insan yang lestari.

"Saya juga ingin mencadangkan penambahan fasiliti pendidikan bersama fungsi pusat perkembangan pendidikan di DUN Sungai Dua melalui pendidikan manusiaawi bagi jangka masa lima tahun dan sebagai langkah pertama adalah dengan menyediakan sekolah inapan kasih di Sungai Dua yang terbuka kepada semua," ujarnya.

Menerang lanjut mengenainya, beliau berkata, kemasukan kepada fasiliti pendidikan itu adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berdepan masalah sosial, kanak-kanak tanpa dokumen tidak sah taraf dan mereka yang tercicir serta merupakan anak yatim.

Beliau turut berkongsi beberapa cadangan lain antaranya, pelaksanaan Pusat Pendidikan Maya, Mewujudkan Giat Mara Wanita di DUN Sungai Dua serta penelitian dan kajian semula keperluan kad diskaun berbentuk pemberian rebat 10%-15% kepada semua pelajar yang berfungsi mengurangi kos saraan pendidikan, misalnya diskaun makanan, kebersihan diri, buku, alat tulis, pakaian sekolah dan bayaran pengangkutan.

Meneruskan sesi perbahasan, Perwakilan Penaga, Puan Hamizah Che Amat melontarkan beberapa cadangan pembangunan meliputi potensi pembangunan agro di kawasan tumpuan di sekitar Penaga. Antara yang menarik perhatian dewan adalah mengenai penjenamaan semula Pasar Bisik Kuala Muda dan pembinaan kompleks agro kraf di Penaga.

Katanya, kemeriahinan di jeti nelayan dengan suasana jual beli di pasar tersebut merupakan tarikan unik kerana ia satu-satunya pasar di Malaysia dan di Asia yang menggunakan kaedah berbisik antara pemberong ikan dan pelanggan berurusan.

"Ini termasuk cadangan agar mewujudkan pasar terapung di aliran sungai di sepanjang Kampung 20 yang boleh juga menjana ekonomi para nelayan kawasan tersebut meraih rezeki dan pendapatan lebih melalui jualan produk tempatan seperti ikan masin dan hasil laut lain ketika laut gelora," cadangnya.

Perwakilan Bukit Tambun, Puan Tharani Kesavan turut berbahas mengenai isu setempat dalam kawasannya. Beliau memberitahu kewujudan warga asing menjadi peniaga yang berjaya sekitar Taman Merak Jaya, Taman Gamelan, Bukit Tambun berbanding dengan peniaga warga tempatan sendiri.

Menurutnya, bukan sahaja bermiaga, namun mereka juga menjadi pemberong yang besar dalam kawasan itu dengan kebanyakan peniaga tempatan menjadi pelanggan kepada mereka pula. Ini amat serius kerana mereka telah menjaskan peniaga warga tempatan dan mewujudkan keadaan tidak selesa.



"Malah sikap segelintir warga tempatan yang memberi gerai mereka kepada warga asing untuk disewa dan inilah bermulanya perniagaan mereka. Lebih mengejutkan lagi apabila tindakan mereka untuk menetapkan perniagaan di sini di Bukit tambun, mereka berkahwin dengan warga Malaysia dan menjalani perniagaan atas nama pasangan mereka," ujarnya.

Sementara itu, Perwakilan Bayan Lepas, Puan Azizun Ismail membawa dewan untuk mendengar kepincangan dalam isu mengenai perkembangan awal kanak-kanak yang membabitkan isu akses dan kualitinya yang masih menjadi kebimbangan.

Katanya, ketersediaan tempat di prasekolah termasuklah kesedaran yang rendah dalam kalangan ibu bapa tentang faedah menghantar anak mereka ke prasekolah, kemampuan perbelanjaan prasekolah, kualiti guru yang rendah, dan kebimbangan mengenai pertindihan peranan antara pelbagai kementerian dan agensi yang menyelia pendidikan awal kanak-kanak.

Turut menyentuh isu yang sama, Perwakilan Teluk Bahang, Sharifah Kader Ibrahim berkata, pengelolaan oleh beberapa kementerian yang berbeza seperti Tabika Kemas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Tabika Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara; Pra Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan; Pasti di bawah parti PAS; dan Taska D' Komtar yang dikelola oleh kerajaan negeri.

Terangnya, perbezaan yang berlaku dan wujud ini berpunca daripada beberapa faktor antaranya perbezaan dalam dasar pendidikan, sejarah penubuhan kementerian lain, perkembangan sosioekonomi serta faktor perbezaan politik.

Isu kesihatan mental banyak di sentuh dalam sesi perbahasan dengan Perwakilan Bagan Jermal, Puan Tan Guat Kee berkata usaha kerajaan dan NGO masing-masing masih tidak mencukupi. Selain orang dewasa, pelajar sekolah juga di antara kumpulan yang mengalami masalah mental akibat tekanan untuk mendapat keputusan baik di sekolah, tekanan antara rakan dan buli di sekolah.

Cadangnya, latihan sewajarnya kepada pihak pentadbiran sekolah serta organisasi berkaitan perlu ada supaya kes orang-perseorangan boleh dikenal pasti dan seterusnya mendapat bimbingan untuk rawatan yang sepatutnya. Turut menyentuh isu sama adalah Perwakilan Bertam, Permatang Berangan, Pulau Tikus dan Batu Lanchang.

Menarik perhatian dewan dalam sesi perbahasan pada sesi petang, Perwakilan Sungai Puyu, Profesor Madya Dr. Saraswathi Simansalam berkongsi mengenai isu sosioekonomi yang berkisar mengenai sistem ekonomi terpusat dan pergantungan yang tinggi kepada orang tengah.

Terangnya, desentralisasi dan lokalisasi yang membolehkan perancangan ekonomi bermula dari peringkat terendah, di mana pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan komuniti tempatan dapat dimanfaatkan untuk kebaikan semua ahli komuniti tempatan.

"Dengan memanfaatkan sumber-sumber tempatan untuk menghasilkan keperluan asas harus berada di tangan penduduk tempatan. Bahan mentah tempatan harus dipergunakan sepenuhnya untuk menghasilkan barang keperluan untuk pembangunan ekonomi tempatan.

"Satu contoh mudah iaitu perubahan jenis makanan pilihan rakyat Malaysia, yang dahulunya berdasarkan produk beras yang kini semakin beralih kepada makanan yang berdasarkan gandum seperti pizza, burger dan sebagainya," katanya.

Rata-rata perwakilan bijak mengawal emosi dan etika ketika berbahas dan setiap kandungan perbahasan sememangnya berpaksikan fakta dan maklumat yang kukuh. Ini mencerminkan sifat kepimpinan yang perlu sebat dalam setiap ahli politik dan membuat keputusan.

Sesi perbahasan dilihat mampu membuka mata ramai pihak di luar sana yang mungkin kurang peka mengenai isu-isu yang dibawa oleh para perwakilan wanita dalam persidangan ini. Hujah yang dibawa bukan sekadar omong kosong, akan tetapi adalah bersandarkan pemerhatian dan penyelidikan awal yang dibuat oleh perwakilan yang turun padang sendiri ke kawasan masing-masing berjumpa wakil rakyat sebenar.



## Sesi Penggulungan

Merujuk kepada hal yang dibangkitkan oleh Perwakilan Seberang Jaya, Puan Nuruljannah Che Muret selaku EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi berkata, jaringan rangkaian 5G yang dalam usaha memperluaskan penggunaannya tidak sekadar menggunakan *drone* malah pengawalan racun dan baja juga boleh dibuat menggunakan telefon pintar. Beliau turut menerangkan kejayaan hasil pertanian negeri terutamanya penghasilan padi dan ternakan lembu, kambing dan khinzir.

Bangkit meneruskan penggulungan bagi portfolio Perumahan Dan Alam Sekitar, Puan Kalah Rani Kenision menyentuh mengenai isu pembangunan projek terowong di Bandar Air Itam dengan memberi jaminan segala prosedur pembangunan selamat dan lestari dipatuhi dan mengelak berlakunya ketidakseimbangan atau pencemaran alam yang serius. Ini termasuk Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) yang dibangkitkan oleh Berapit, beliau menjamin, pengelolaan sampah dan sumber air, penanaman semula pokok, penggunaan tenaga hijau termasuk jaringan pengangkutan ramah lingkungan diambil kira dan menjadi kunci keutamaan bagi memastikan projek tersebut beri manfaat kepada rakyat tanpa menjaskan atau memperjudikan alam sekitar.

Penggulungan seterusnya oleh EXCO Belia, Sukan Dan Kesihatan, Puan Nur Fatin Adila Mohd Sabri memberi respons terhadap isu kesihatan mental yang dibangkitkan. Katanya, usaha meningkatkan kesedaran dan penjagaan melalui langkah-langkah proaktif khususnya dalam kalangan belia. Antaranya meningkatkan perkhidmatan rawatan, menyediakan pusat bantuan krisis dan memperkuuhkan bantuan sokongan sosial. Kerajaan Negeri turut melakukan libat urus antara agensi pusat dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu ini agar tiada golongan yang tercicir.

Penggulungan oleh EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Puan Aswirna Sukur dimulakan dengan memberi maklum balas terhadap isu warga asing yang dibangkitkan ahli dewan. Katanya, langkah pemusatan sebarang permit kerja warga asing perlulah melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Maklumnya lagi, sebarang premis perniagaan yang dijalankan oleh warga asing adalah salah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang yang tegas, maka itu aduan awam mengenainya perlu disalurkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan dapat diambil. Menerusi cadangan memasang pengadang di Jambatan Pulau Pinang Pertama bagi menghalang kejadian bunuh diri, beliau berkata, kajian dan surat cadangan kepada pengendali jambatan sudah dibuat dan kini perbincangan mengenainya dalam proses penilaian. Walaubagaimanapun katanya, pemasangan kamera keselamatan litar tertutup (CCTV) sudah ada bagi memantau sebarang kejadian tidak diingini.

Bagi EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam, Puan Yew Su Fen memaklumkan, kerajaan bekerjasama dengan NGO tertentu bagi tangani isu keganasan rumah tangga ini termasuk menawarkan khidmat kaunseling dan menggalakkan aduan orang awam yang selamat serta menubuhkan kumpulan sokongan bagi mangsa keganasan. Sementara itu, bagi pemerksaan wanita pula katanya, peranan tersebut dijuarai Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melalui program seperti Sidang Wanita Pulau Pinang (SWPP) dan Program Mentor Keusahawanan (PWEMP). Menyentuh juga hal kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU), katanya, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan wang tunai dan alatan sokongan termasuk fasiliti awam mesra OKU adalah satu kriteria penting bagi mana-mana projek fasiliti.

Diteruskan pula EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif, Puan Nooraimi Hani Ahmad Suhaimi merangkumkan penggulungannya, Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang merupakan *blueprint* kepada hala tuju pembangunan negeri yang merangkumi eko-pelancongan, kekerapan penerbangan antarabangsa selain penjenamaan semula pelancongan inap desa di Balik Pulau dan beberapa kawasan di Seberang Perai. Ini termasuk mempromosikan produk makanan di restoran tempatan yang tersenarai dalam senarai Michelin yang kerap menjadi rujukan dalam kalangan pelancong luar dan dalam negara.



EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa antara yang menerima cekahan perwakilan lain semasa Sesi Penggulungan.



Timbalan Ketua Menteri 1 turut menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan perwakilan semasa perbahasan dalam teks penggulugannya.

EXCO Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital, Puan Zulikha Abdul Talib merangkumkan penggulungannya berkenaan cadangan penghadang jalan di Jambatan Pulau Pinang Pertama. Perkara tersebut masih belum mendapat sebarang kata putus ekoran perincian keselamatan yang masih berjalan dan beliau turut menyambut baik cadangan meletakkan kata-kata semangat dan talian khidmat sokongan sepanjang tembok. Turut menyambut baik cadangan pelaksanaan papan tanda pintar berserta audio amat baik dan akan diusahakan dengan mengkaji kebolehlaksanaannya termasuk lampu isyarat yang mesra OKU.

Sementara itu, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Puan Siva Priya Rajayogan berkata, sasaran kempen Keusahawanan Satu Budaya 2024 dengan menysarkan setiap keluarga melahirkan sekurang-kurangnya satu usahawan dengan objektif termasuk mencipta peluang pekerjaan perniagaan mikro, kecil dan sederhana, memajukan inovasi produk buatan negeri ke peringkat global dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Maklumnya lagi, Kerajaan Negeri juga menyediakan Skim Pinjaman Harapan serta melalui Digital Penang juga kita menggalakkan kerjasama dengan industri bagi meningkatkan pertumbuhan syarikat pemula (*start up*).

Meneruskan sesi penggulungan, Timbalan Ketua Menteri 2, Puan Varothini K. Maharaja memberi respons terhadap soalan mengenai inisiatif latihan teknikal dan vokasional berkata, sebanyak 2,550 bengkel di bawah pemerkasaan penguasaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dengan Penang Science Cluster bagi membina potensi dan mencungkil bakat agar mereka dapat melanjutkan bakat mereka dalam bidang berkaitan. Beliau turut memberitahu ahli dewan supaya merujuk hansard DUN bagi rujukan kerana kekangan masa.

Sesi seterusnya oleh Timbalan Ketua Menteri 1, Puan Elia Nadira Sabudin mengenai penubuhan

Giat Mara Wanita oleh Sungai Dua. Menjawab cadangan itu, Giat Mara telah menawarkan kursus khas kepada golongan wanita dalam bidang Jahitan dan Reka Fesyen, Solekan dan Terapi Kecantikan, Masakan dan Hidangan serta Seni Reka Gaya Rambut. Kursus-kursus ini membuka peluang yang luas kepada wanita menceburi bidang TVET bagi menjana pendapatan mereka. Sementara itu, kerajaan juga telah memperuntukkan RM1 bilion bagi memastikan kesejahteraan warga emas serta mewujudkan Pusat Aktiviti Kegiatan Warga Emas (PAWE) di setiap daerah. Beliau juga turut berkongsi mengenai usaha di bawah portfolionya bagi mengutip sumbangan kepada Palestin.

Sebagai penutup, Ketua Menteri, Puan Dr. Teoh Hong Kean merangkumkan, golongan asnaf serta para pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS) yang ingin meningkatkan peluang perniagaan kepada pelaburan asing boleh menyenaraikan profil syarikat mereka melalui perkhidmatan dalam talian di Invest Penang secara percuma. Untuk makluman, sehingga kini sebanyak 610 buah syarikat berada dalam senarai direktori Invest Penang ini. Bagi penambahan kepada jawapan EXCO, bantuan kepada ibu tunggal dan ibu tinggal di bawah inisiatif Projek Sokong Biz Ibu Tunggal melalui promosi oleh PWDC dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK). Ini termasuk inisiatif, Projek Wanita Jana Rezeki yang membantu wanita menjana pendapatan sendiri melalui penambahbaikan kepada produk makanan yang unik dan tahan lama. Bagi memperkasa ekonomi digital kreatif melalui jalinan kerjasama antara Digital Penang dan Sunway Education Group dan Khazanah Nasional Berhad yang menawarkan pendidikan percuma dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Ketua Menteri juga turut merakamkan penghargaan untuk dipanjangkan kepada Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat EXCO dan ADUN sedia ada termasuk agensi-agensi negeri yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang fasa SWPP23.

# *Pembentangan & Perbahasan Usul*

Agenda terakhir persidangan SWPP23 adalah Pembentangan Usul yang mana perwakilan yang berperanan sebagai EXCO telah dipertanggungjawabkan untuk menggagaskan satu usul untuk dibentang dan dibahaskan. Barisan EXCO telah memutuskan untuk membawa usul berkaitan Ekonomi Penjagaan untuk persidangan kali ini.

Mewakili barisan eksekutif negeri, Puan Siva Priya Rajayogan yang merupakan EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar dipertanggungjawabkan untuk membentangkan usul pada persidangan kali ini. Dengan penuh yakin beliau membentangkan Usul Perancangan Pembentukan Dasar Dan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) secara mampu dalam inisiatif ke arah Penang2030.

Beliau memulakan hujahan dengan memohon agar SWPP23 mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan YAB Chow Kon Yeow selaku Ketua Menteri untuk memberi perhatian bersasar terhadap pembangunan sektor Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*).

Tambahnya lagi, penjagaan ekonomi ini penting kerana ia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) kelima yang menekankan teras kesaksamaan gender. Jika diteliti secara khusus di bawah sasaran 5.4, ia menekankan pengiktirafan dan penghargaan terhadap aktiviti penjagaan tanpa gaji dan kerja-kerja domestik. Sasaran ini, menyasarkan untuk mengiktiraf dan menghargai penjagaan tanpa gaji dan kerja domestik melalui penyediaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial dan promosi tanggungjawab bersama dalam rumah tangga dan keluarga mengikut kesesuaian negara.

Beliau turut menyentuh tentang "sindrom beban berganda" (*double burden syndrome*) berterusan dalam kalangan wanita bekerja dengan tanggungjawab tambahan iaitu menguruskan rumah tangga dan menjaga anak

atau saudara yang lebih tua. Tambahnya lagi, Malaysia mempunyai satu tahap kemuncak dalam penyertaan tenaga buruh wanita yang mana wanita biasanya tidak memasuki semula tenaga kerja selepas keluar pada usia tertentu.

Puan Siva turut menghuraikan lima cadangan pelan tindakan strategik yang dikenal pasti untuk diberi pertimbangan oleh kerajaan negeri. Pertama adalah dengan mewujudkan pusat penjagaan komuniti setempat yang holistik. Kedua, pemantauan berkala dan penggredan piawaian. Ketiga, mewajibkan pemaju perumahan mengkhususkan satu rumah lot penghujung atau tingkat bawah rumah pangsa untuk tadika dan pusat asuhan. Keempat, membentuk perjanjian bersama (MoU) bersama pemegang taruh dan kelima, meningkatkan penggunaan teknologi.

Mengakhiri pembentangan beliau menyeru semua perwakilan untuk menyokong usul untuk pelaksanaan inisiatif khas ini sekaligus menjadikan Pulau Pinang antara negeri terawal yang cakna untuk mengangkat sektor Ekonomi Penjagaan. Tegasnya, ini adalah satu solusi serta kepedulian terhadap permasalahan rakyat. Usaha ini mampu menjadi penanda aras kepada negeri-negeri lain serta bukti yang jelas untuk mengangkat martabat dan penglibatan dalam wanita dalam ekonomi.

Selesai pembentangan usul, Dato' Yang di-Pertua membuka dewan untuk menyokong usul tersebut. Puan Nooraimi Hani Ahmad Suhaimi yang merupakan EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif bangkit untuk menyokong usul dan beliau turut memohon untuk memberikan beberapa hujahan untuk menyokong usul.

Beliau memulakan hujah dengan menyatakan bahawa lebih 70 peratus pelajar universiti adalah wanita. Namun jumlah ini tidak diterjemahkan dalam data-data penyertaan wanita sebagai tenaga buruh yang dilihat rendah. Ini adalah satu kerugian kepada kesinambungan ekonomi dan pembangunan negara.

Melihat kepada dasar yang dilaksanakan di Sweden, dasar keseimbangan kerja kehidupan yang progresif dan pengaturan kerja yang fleksibel memberi kesan yang mendalam terhadap penyertaan tenaga buruh wanita. Dasar ini telah melonjakkan kadar penyertaan buruh wanita di negara itu pada tahap tertinggi iaitu mencapai kira-kira 81.3 peratus pada 2022.

Ketua Pembangkang, Puan Aini Najwa Othman turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang mana beliau menyambut baik hasrat dan visi kerajaan dalam memberi penumpuan bersasar terhadap ekonomi penjagaan. Namun, beliau turut mengkritik usul tersebut kerana terlalu global dan tidak akan mampu dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) tahun seperti yang dibentangkan.

Kerajaan sepatutnya tidak perlu memfokuskan untuk mewujudkan pusat penjagaan komuniti setempat yang holistik akan tetapi perlu menekankan aspek memperkemaskin ekonomi penjagaan melalui pelaburan dan penyelesaian jangka pendek yang akan memberi impak kepada ekonomi wanita.

Untuk mengelakkan pembaziran kewangan kerajaan, beliau mencadangkan "mobile care" iaitu perkhidmatan penjagaan bergerak menggabungkan agenda penjagaan di tempat kediaman, in-site dan golongan hilang keupayaan. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa tanggungjawab terhadap anak-anak dan ibu-bapa tidak boleh dilepaskan kepada orang lain sepenuhnya.

Turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul adalah Puan Dr. Puvaneswari Ramachandran, Perwakilan Berapit yang turut mengkritik usul kerajaan. Beliau menyentuh tentang ketidak sesuaian mewujudkan pusat penjagaan komuniti setempat yang holistik. Ini adalah kerana psikologi manusia tidak sama mengikut umur dan kesihatan, sebagai contoh warga emas perlukan suasana yang lebih sunyi.

Perwakilan Seberang Jaya, Puan Muthurani Sivasamy lantang mempertahankan hujah Ketua Pembangkang yang mengkritik usul yang dibentangkan kerajaan. Selaku backbencher Puan Prabah Loganathan yang merupakan Perwakilan Air Putih menenangkan dewan dengan mencadangkan beberapa pindaan pada usul sebagai kemaskini dan penambahbaikan.

Pembahas terakhir adalah Puan Sunesha Munisamy, Perwakilan Pulau Tikus yang menyokong usul dan turut mencadangkan beberapa penambahbaikan pada usul. Beliau

turut menyatakan persetujuan dengan hujah Perwakilan Berapit tentang Pusat Jagaan Holistik yang dilihat tidak relevan untuk dilaksanakan.

Selesai perbahasan usul, Puan Siva diberi peluang oleh Dato' Yang di-Pertua untuk menggulung sebelum undian suara dilakukan. Beliau menggunakan saat ini untuk menjawab dan menerangkan persoalan dan cadangan-cadangan yang diajukan oleh para perwakilan. Jelasnya segala cadangan yang dikemukakan telah diperhalusi. Kerajaan menyambut baik segala saranan dan penambahbaikan yang dicadangkan.

Beliau turut mengulas cadangan ketua pembangkang tentang mewujudkan "mobile care". Ujarnya, kajian telah dibuat, namun terdapat pelbagai kelemahan untuk pelaksanaan antaranya adalah ketidaksetaraan akses, ketinggian daya layanan, kekangan dalam regulasi serta bebanan emosi dan fizikal penyedia.

Kebimbangan terhadap cadangan mewujudkan pusat penjagaan komuniti setempat yang holistik akan diperhalusi pihak kerajaan Singapura dan Kanada telah memperkenalkan konsep sebegini, dan kerajaan akan meneliti tahap keberkesaan dan kesesuaian pelaksanaan di Pulau Pinang.

Berkenaan isu perbelanjaan kewangan, beliau memberikan komitmen perbelanjaan kewangan dan pembiayaan pembangunan akan dilaksanakan secara optimum. Kolaborasi bersama pihak swasta akan menjimatkan kos untuk membina pusat jagaan baharu. Banyak projek-projek kerjasama yang tidak menggunakan dana kerajaan negeri seperti Penang Sentral dan Penang Art District.

Mengakhiri penggulungan, Puan Siva menyeru agar semua perwakilan menyokong usul ini secara sebulat suara. Sokongan ini bukan hanya menjurus kepada pembangunan ekonomi semata malah lebih kepada nilai-nilai kemanusiaan. Beliau yakin bahawa Pulau Pinang mampu menjadi negeri pertama di negara ini dalam menyokong sektor ekonomi penjagaan.

Pengundian dilakukan melalui pungutan suara "Ya" dan "Tidak" dan usul ini diluluskan setelah Dato' Yang di-Pertua memutuskan bahawa "Ya" lebih banyak dan usul dipersetujui. Selesai perbahasan usul, Ketua Menteri telah mencadangkan agar usul ditangguhkan dan telah disokong oleh Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM1). Dato' Yang di-Pertua mengumumkan bahawa dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

“

Langkah proaktif perlu segera dilakukan dengan **menyalurkan bakat-bakat pemimpin wanita ini supaya dapat diketengahkan dalam landskap politik tempatan** dan ruang perlu dibuka agar lompong idea berkisar isu wanita dapat diketengahkan dan diselesaikan secara tuntas.

**YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu**  
Timbalan Menteri  
Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat



# Profil Perwakilan

## Sidang Wanita Pulau Pinang 2023



Puan Dr. Teoh Hong Kean  
N26 - Padang Kota  
*Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah Dan Komunikasi*

### KETUA MENTERI

#### Profil:

Merupakan Bekas pensyarah kanan dari Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara dengan latar belakang pendidikan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Malaya dalam bidang kepimpinan dan kepentuaan, Sarjana Pendidikan (Master) dalam bidang Psikologi dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dari Universiti Pertanian Malaysia. Pada tahun 2022 beliau telah menerima pingat Anugerah Bintang Cemerlang Negeri (BCN) daripada Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

#### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita merupakan platform yang terbaik untuk mendedikasikan diri bagi memperjuangkan hak dan keperluan wanita dalam komuniti setempat. Saya memperoleh pengalaman untuk bertemu dengan ahli politik, mengenal pasti isu semasa, dan merasai sendiri pengalaman bersidang Dewan Undangan Negeri. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, saya tetap komited, mengadakan mesyuarat dalam talian, meningkatkan kapasiti ahli EXCO dan memperkasakan wanita. Saya yakin dan percaya dengan perubahan positif, mengukuhkan kepercayaan saya terhadap kepentingan aktivisme tempatan dan kesaksamaan jantina.*

### TIMBALAN KETUA MENTERI I

#### Profil:

Berkelulusan Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Merupakan seorang usahawan bidang tekstil dan barang dagangan serta berkhidmat di Parlimen Sri Gading. Memegang jawatan Pengerusi Biro Ekonomi Wanita Amanah Nasional, Pengarah IT Amanah Johor, Pengarah Komunikasi Wanita Amanah Johor dan Ketua Wanita Amanah Kawasan Sri Gading. Pernah bertanding mewakili Pakatan Harapan pada Pilihanraya Negeri Johor tahun 2022. Berpengalaman lebih 15 tahun sebagai aktivis dalam memperjuangkan isu rakyat serta aktif memimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kebajikan dan wanita. Kini beliau berada di tahun akhir pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di UTHM dalam bidang yang sama. Beliau turut memegang jawatan Presiden Pelajar Pascasiswazah Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTHM sebagai Setiausaha Majlis Perwakilan Pascasiswazah UTHM.

#### Perkongsian Pengalaman:

*Pengalaman menyertai Sidang Wanita 2023, merupakan proses menajam dan mematangkan minda, serta memperkasakan potensi dan bakat diri dalam bidang politik dan perlembagaan Malaysia. Ini adalah satu penghormatan buat wanita kerana inisiatif ini berjaya mendidik dan mengangkat martabat wanita sebagai pemimpin yang diiktiraf masyarakat dan negara.*



Puan Elia Nadira Sabudin  
N37 – Batu Maung  
*Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat*

### TIMBALAN KETUA MENTERI II

#### Profil:

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Forensik dari Glyndwr University, United Kingdom. Memiliki Sijil Graduan Pengajian Siswazah iaitu gabungan dua sarjana (Master) dalam bidang Biological Anthropology dan Archaeological Science dari Australian National University dengan pengkhususan Human Evolution, Primatology dan Archaeology. Menerima Sarjana (Master) ketiga dari Liverpool John Moores University, United Kingdom dalam bidang Forensik Antropologi dengan pengkhususan Identifikasi Manusia dan penyiasatan kebakaran (Fire Investigation). Beliau juga, merupakan ahli dalam Servis Kecemasan Antarabangsa Kenyon iaitu sebuah syarikat pengurusan krisis sulit dan bencana yang berperanan dalam pencarian, penyelamatan, dan identifikasi mayat dalam situasi darurat, serta pengurusan kesan peribadi yang komprehensif. Berpengalaman luas sebagai ahli arkeologi sukarelawan di lapangan dan telah membantu dalam pengidentifikasi tulang manusia, haiwan, dan objek lain dari kawasan tertentu. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Palawan State University Filipina di dua fakulti, iaitu College of Nursing & Health Sciences dan College of Criminology & Justice Education. Kini, beliau mengajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Forensik Antropologi di Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

#### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita 2023 telah mengubah pandangan saya secara mendalam tentang politik dan kepentingan wanita dalam politik. Saya berpeluang berbahas dan memahami fungsi Dewan Undangan Negeri dan berinteraksi dengan wanita-wanita hebat. Pengalaman ini tidak hanya memberi saya perspektif baru, tetapi juga memperkuat jaringan dengan komuniti wanita.*

Puan Varohthini K. Maharaja  
N29 – Datok Keramat  
*Pembangunan Modal Insan, Sains Dan Teknologi*



## EXCO

### Profil:

Berkelulusan Ijazah Sarjana (Master) Pentadbiran Perniagaan dari Open University Malaysia dan kini mengikuti Ijazah Sarjana Muda Jurisprudensi dari Universiti Malaya. Pengalaman bekerja sebagai pembantu peribadi pada pemimpin di Ibu Pejabat Parti Politik Kebangsaan dan pernah menjadi pengurus kempen bagi calon parlimen. Beliau juga bergiat aktif dalam program persendirian untuk masyarakat di Pulau Pinang seperti Kem Kesihatan, Agihan Bakul Makanan dan Tuisyen Percuma. Pengalaman bekerja turut merangkumi di Pesticide Action Network sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pernah bekerjasama dengan arwah Irene Fernandez Tenaganita di sektor perbankan, pengurusan dalam Syarikat Multinasional, serta berpengalaman menyertai pelbagai Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Penggal 2018-2023 sewaktu berkhidmat dengan syarikat berkaitan kerajaan Pulau Pinang

### Perkongsian Pengalaman:

*Sangat teruja ketika pertama kali melangkah ke dalam Dewan Undangan Negeri dan berpeluang membahaskan usul. Sebagai seorang pelajar jurusan undang-undang, Sidang Wanita memberi satu dorongan dan bimbingan untuk menceburi arena politik.*

## EXCO

### Profil:

Merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengurus syarikat Zulikha Talib Resources yang menjalankan aktiviti pembinaan, ubah suai dan penyelenggaraan secara kecil-kecilan.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sebagai salah seorang ahli yang aktif dalam arena politik sebuah parti, sidang wanita merupakan satu wadah yang tepat bagi mengasah bakat berpidato serta memberi pengalaman yang lebih realiti tentang tatakelola dan protokol dalam Dewan Undangan Negeri. Peluang untuk saya memegang watak wakil rakyat telah meningkatkan lagi peluang untuk menimba ilmu pengurusan serta melontar idea-idea ke arah aspirasi dan visi Penang2030.*



**Puan Zulikha Abdul Talib**  
N22 - Tanjung Bunga  
*Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital*

## EXCO

### Profil:

Berkelulusan Sarjana Pengurusan Hospitaliti dan sedang menghabiskan Sarjana Kedua dalam Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah tajaan Wanita Berdaya Selangor (WBS). Berpengalaman luas dalam kerja-kerja kebajikan dan merupakan Pengurus Pertubuhan Wanita Peduli (I-Wanita). Bergiat aktif dalam politik dan memegang jawatan Pengarah Komunikasi Angkatan Wanita Amanah (Awan) Selangor dan merupakan salah seorang Jawatankuasa Wanita Pakatan Harapan Selangor. Sangat tegas dan lantang bersuara dalam isu-isu semasa terutamanya yang melibatkan hak wanita dan golongan rentan. Bercita-cita menjadi pemimpin wanita di peringkat negeri mahupun negara satu hari kelak.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sebagai seorang wanita yang terlibat dalam politik secara langsung, penglibatan dalam Sidang Wanita merupakan peluang yang sangat mahal bagi saya. Dikelilingi peserta dan pemimpin wanita hebat sepanjang sesi berlangsung telah meningkatkan daya saing dan menyakinkan lagi saya bahawa bidang politik adalah wadah terbaik untuk saya kekal berjuang membawa aspirasi rakyat dan kebajikan sejagat.*

**Puan Nooraimi Hani Ahmad Suhaimi**  
N34 - Paya Terubong  
*Pelancongan dan Ekonomi Kreatif*

## EXCO

### Profil:

Pemegang Diploma dan Ijazah dalam bidang Fisioterapi dan kemanusiaan berkhidmat sebagai Pegawai Fisioterapi di Hospital Zainab II selama 5 tahun dan seterusnya di Hospital Pulau Pinang selama 31 tahun sehingga bersara. Berpengalaman luas dan pernah bekerja dengan beberapa pengarah hospital sebagai Ketua Jabatan Fisioterapi, Pengerusi Bahagian Latihan Budaya Korporat untuk warga Hospital Pulau Pinang, Ketua Pegawai Liason kebersihan hospital, dan terlibat dalam aktiviti seperti ISO, Inovasi, Kualiti Inisiatif dalam penjagaan kesihatan. Beliau juga pernah dilantik sebagai Working Committee untuk Profesional Fisioterapi Malaysia di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Menerima Anugerah Cemerlang sebanyak 4 kali serta Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang iaitu Pingat Kelakuan Terpuji dan Bintang Cemerlang Negeri. Beliau juga pernah dilantik sebagai Presiden Persatuan Fisioterapi Malaysia untuk 4 penggal (8 tahun), Presiden Asian Confederation Of Physical Therapy untuk 2 tahun, Vice Chair World Physiotherapy - Asian Western Pacific Region untuk 4 tahun, Timbalan Presiden Persatuan Confederation Of Allied Health Professional untuk 4 tahun. Mencebur dalam kerja sukarelawan sejak tahun 1989 sebagai Fisioterapi Sukarelawan di rumah orang tua seperti Silver Jubilee Home For The Aged hingga sekarang, pernah bekerja dengan Hawa, Hospice dan berkhidmat untuk Balik Pulau Buddhist Hermitage.

**Puan Yew Su Fen**  
**N30 – Sungai Pinang**  
**Pembangunan Sosial,**  
**Kebajikan dan Hal Ehwal**  
**Bukan Islam**



### Perkongsian Pengalaman:

*Program ini memberi perubahan positif dalam diri yang mana saya belajar untuk mempertajam kemahiran komunikasi secara berkesan terutama ketika pembentangan dan perbahasan isu-isu yang penting berkait masyarakat dan pembangunan negeri. Saya sedar betapa pentingnya tanggungjawab seorang wakil rakyat yang menjaga keperluan masyarakat.*

## EXCO

### Profil:

Dibesarkan di dalam keluarga yang berpolitik di mana nenek beliau adalah Ketua Wanita Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) manakala ibu beliau aktif dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) serta Presiden Pertubuhan Wanita Prihatin Pulau Pinang. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan Bioteknologi dan beliau menguruskan perniagaan selama 20 tahun sebelum memasuki dunia politik. Beliau merupakan ahli PKR yang aktif dan komited dengan kerja-kerja amal termasuk program-program Pertubuhan Wanita Prihatin Pulau Pinang.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita telah membuka ruang untuk memperkasakan ilmu berkaitan tatakelola yang baik dalam memimpin, menjaga, melindungi dan juga membantu rakyat. Program ini telah membuka mata saya untuk memahami pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri.*



**Puan Aswirna Sukur**  
**N19 – Jawi**  
**Kerajaan Tempatan dan**  
**Perancangan Bandar & Desa**

## EXCO

### Profil:

Merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia. Sentiasa bergiat aktif sebagai aktivis mahasiswa dan turut menjadi salah seorang Majlis Kerja Tertinggi Majlis Mahasiswa Anak Pulau Pinang. Memegang aspirasi bahawa anda tidak pernah salah dalam melakukan perkara yang betul dan wanita pemangkin negara sejahtera.

### Perkongsian Pengalaman:

*Pengalaman menyertai Sidang Wanita telah membentuk saya menjadi seorang yang berani dan tidak gentar mengangkat suara serta mengetengahkan pendapat di khalayak. Sebagai seorang mahasiswa, platform ini menjadi pentas untuk saya mengasah bakat dalam bidang politik dan kemasyarakatan. Ilmu yang diperoleh akan dijadikan pedoman dalam mencorak masa depan.*

**Puan Nur Fatin Adila**  
**Mohd Sabri**  
**N15 – Padang Lalang**  
**Belia, Sukan dan Kesihatan**





## EXCO

### Profil:

Berkelulusan dalam Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan. Bermula sebagai Operator Pengeluaran di Motorola dan kini beliau adalah Pengurus di Benchmark. Sangat aktif di tempat kerja dan juga dalam program-program kemasyarakatan. Beliau adalah Bendahari Kehormat Malaysia Hindu Sangam Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha Bahagian Gelugor dan kini beliau adalah Pengerusi Bahagian Gelugor. Beliau menjalankan program kemasyarakatan seperti program kebajikan, pendidikan, wanita dan agama. Selain itu, beliau juga Pengerusi Biro Wanita di Ramakrishna Ashrama yang memantau kebajikan kanak-kanak. Pada 2021, beliau telah dianugerah Pingkat Jasa Kebaktian (PJK). Beliau juga pernah bertugas sebagai Ketua Tempat Mengundi (KTM) selama 3 penggal bersama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

### Perkongsian Pengalaman:

*Tanggal 2 Disember 2023 menjadi hari bersejarah dalam hidup saya kerana berpeluang merasai pengalaman menjadi ADUN dan EXCO. Ini adalah satu platform yang hebat untuk golongan wanita menampilkan diri dan menambah potensi untuk menjadi ahli politik.*

**Puan Kalah Rani  
A/P Kenision  
N16 – Perai  
Perumahan dan Alam Sekitar**

## EXCO

### Profil:

Graduan Muda dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan Kelas Pertama dalam bidang Sosiologi dan Antropologi. Minat dan cakna dalam hal-hal berkaitan isu wanita, kumpulan minoriti, taraf hidup, dan kebajikan masyarakat. Aktif dalam organisasi pelajar di kampus; merupakan Setiausaha Agung Sekretariat Sosiologi Dan Antropologi Sesi 20/21. Kerap melibatkan diri sebagai tunjang tenaga penggerak program seperti Webinar dan berpengalaman sebagai moderator forum. Kini, berkhidmat di Jabatan Perangkaan Pulau Pinang dan bercita-cita untuk menyambung pelajaran di peringkat Sarjana, sekali gus berhasrat untuk melibatkan diri lebih masa dalam persatuan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menimba ilmu baharu dan berkhidmat kepada komuniti.

### Perkongsian Pengalaman:

*Dalam perjalanan saya sebagai seorang pelajar yang baru sahaja berjinak dengan dunia politik dan pekerjaan, Sidang Wanita adalah platform untuk saya memahami selok belok pentas politik serta membuka ruang untuk berkenalan dan berhubung dengan figura-figura hebat di alam politik. Jati diri saya melonjak naik, dan rasa ingin berbudi kepada masyarakat semakin membuat setelah menyertai program ini.*



**Puan Nuruljannah Che Muret  
N36 – Pantai Jerejak  
Agroteknologi & Keterjaminan  
Makanan dan Pembangunan  
Koperasi**



**Puan Aini Najwa Othman  
N05 – Sungai Dua**

## KETUA PEMBANGKANG

### Profil:

Pemegang Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dari Universiti Terbuka Malaysia yang kini sedang menyiapkan tesis bagi melengkapkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang yang sama. Berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 23 tahun, sebagai guru besar. Beliau juga merupakan Graduan Cemerlang Program Kelayakan Profesional Pimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) serta Pembentang Terbaik Kolokium Pimpinan Cemerlang Institusi Pendidikan Kebangsaan 2022 serta Penerima Anugerah Khas Kesukarelawan Pendidikan bagi tahun 2023 Pulau Pinang. Menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Anugerah Pingat Perkhidmatan Setia dari Persekutuan Pengakap Malaysia bagi tahun 2022. Merupakan ahli Parti Keadilan Rakyat serta bergiat aktif sebagai aktivis dan sukarelawan dalam pelbagai misi dan juga merupakan Naib Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (Grew). Beliau juga telah mengilhamkan idea program "Pantry Project" yang memfokuskan penyaluran bantuan serta sumbangan dari agensi swasta serta NGO lain terutama kepada wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

### Perkongsian Pengalaman:

*Teruja dapat merasai sendiri pengalaman dan suhu Dewan Undangan Negeri ketika perbahasan serta memberikan saya semangat untuk lebih serius dalam politik demi memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak terutama dalam pendidikan serta berjumpa kawan baru dari pelbagai genre bidang.*

## PEMBANGKANG

### Profil:

Seorang ibu tunggal yang mempunyai 4 orang anak dan telah berkhidmat di sektor perkilangan selama 6 tahun. Kemudian beliau menjadi tukang masak selama 3 tahun dan seterusnya bekerja dengan Sunway Hotel sebagai telemarketing 2 tahun. Kemudian beliau berkhidmat dengan ADUN Bukit Tegah selama 5 tahun. Pada 2013 menceburi bidang perniagaan dengan membuka sebuah butik pakaian dan kini kekal sebagai usahawan. Kini melibatkan diri dengan Pertubuhan Kebajikan Negeri Pulau Pinang (B) Selaku Timbalan Setiausaha, Gerak Bakti Negeri Sembilan selaku Ahli Jawatankuasa dan Geesan Minda Malaysia.

### Perkongsian Pengalaman:

Sidang Wanita memberi peluang kepada saya untuk meningkatkan kapasiti diri dengan pengalaman bersidang dalam Dewan Undangan Negeri. Kami didedahkan dengan proses penyediaan Soalan Lisan dan Bertulis serta diberi peluang turun ke lapangan bersama wakil rakyat yang sebenar.



Puan Hamizah Che Amat  
N01 - Penaga

## BACKBENCHER

### Profil:

Berkelulusan dalam Diploma Teknologi Maklumat, Sal College Kuala Lumpur dan memulakan kerjaya sebagai Pegawai Pentadbiran di Jabatan Kemas Negeri Pulau Pinang, seterusnya sebagai Eksekutif Pentadbiran di Sekretariat Pengaduan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Pulau Pinang. Minat dalam kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan serta aktif dalam parti politik UMNO dengan jawatan terakhir adalah Naib Ketua Puteri UMNO Bahagian Kepala Batas. Beliau sering melibatkan diri dalam program-program sosial seperti Kempen Vaksin untuk Gelandangan, sukarelawan misi banjir dan juga program-program yang menyasarkan golongan asnaf dan gelandangan, edaran makanan percuma, free market dan pemeriksaan kesihatan percuma Harapan.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita memberi ruang untuk saya lebih mendalam perjalanan dan peranan seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab untuk menjadi suara dan badan bertindak hak dan masa depan pengundi yang mengundi.*



Puan Norazida Mat Nayan  
N02 - Bertam

## PEMBANGKANG

### Profil:

Seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Siber) dari Universiti Teknologi Petronas (UNITEN) tajaan Yayasan Tenaga Nasional. Kini sedang melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana (Master) Teknologi Maklumat di samping bekerja sebagai seorang Eksekutif Teknologi Maklumat di sebuah bank antarabangsa. Dilantik sebagai ahli Parlimen Belia Malaysia (Pulau Pinang) pada tahun 2023. Berpengalaman luas dalam pengurusan program dan bergiat secara aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Turut memegang jawatan sebagai Naib Presiden Majlis Mahasiswa Anak Pulau Pinang Kebangsaan, Koordinator Siswa Barisan Nasional dan juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Gerakan Belia 4B Negeri Pulau Pinang. Mula berkecimpung dalam dunia politik sejak 2022 dan memilih parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai wadah perjuangan sehingga kini.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita telah memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk memperoleh pengalaman berada di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi membawa dan membincangkan usul-usul berkaitan wanita bersama para perwakilan yang lain. Saya amat yakin bahawa suara wanita merupakan satu elemen yang sangat penting ke arah pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan.*



Puan Nur Kamilia  
Khairul Ed'zuan  
N03 - Pinang Tunggal

## PEMBANGKANG



**Puan Otr. Nur Shuhada  
Suntong  
N04 – Permatang Berangan**

### Profil:

Beliau pernah bertugas dalam komuniti dengan kerjasama pelbagai unit dan jabatan kerajaan di Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu, Kedah selama 3 tahun. Terlibat dalam pelbagai program seperti Job Coach JKM dan Return To Work Perkeso, Saringan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas, Saringan Kesihatan Jemaah Haji, Kerjasama Inter-Agenpsi Psikiatri Daerah Kuala Muda dan sukarelawan maya sokongan psikososial warga emas sewaktu Pandemik Covid-19. Kini beliau berkhidmat dalam pasukan Multidisciplinary Stroke Rehabilitation yang memfokuskan pemulihan psikiatri dewasa, remaja dan warga emas. Kepakaran beliau adalah dalam terapi stimulasi kognitif bagi pemulihan warga emas nyanyuk (Dementia). Selain itu, beliau juga merupakan Juruaudit Hospital Mesra Ibadah bagi Negeri Kedah, Timbalan Setiausaha Persatuan Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Setiausaha bagi Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah Peringkat Hospital Sultan Abdul Halim.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita Pulau Pinang 2023 memberi pengalaman peranan wakil rakyat yang amat berharga dari teori ke praktikal walaupun dalam tempoh yang singkat. Platform ini memberi peluang bersidang di Dewan Undangan Negeri sebenar bagi membincangkan hasrat dan isu penduduk setempat secara langsung.*

## PEMBANGKANG



**Puan Suriani Wahab  
N06 – Telok Ayer Tawar**

### Profil:

Seorang usahawan dan ibu tunggal yang mempunyai 3 orang cahaya mata. Aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antaranya adalah Ahli Jawatankuasa (AJK) Pertubuhan Wanita Prihatin, Gerakan Amal Bersama (GRAB), Pertubuhan Khidmat Ummah (PKU) dan Pertubuhan Khidmat Ibu Tunggal (PKI). Sentiasa berusaha memajukan diri dalam perniagaan yang diceburi dan bersedia untuk memperjuangkan Islam serta mempertahankan hak-hak wanita.

### Perkongsian Pengalaman:

*Terpilih menyertai Sidang Wanita dan bersidang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah satu pengalaman hebat sekali gus mengasah bakat terpendam dalam diri. Berpeluang melebar luaskan jaringan kenalan dalam bidang dan minat yang sama.*



**Prof. Madya Dr. Saraswathi  
Simansalam  
N07 – Sungai Puyu**

## BACKBENCHER

### Profil:

Graduan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana (Master) Farmasi dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pernah berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta sebagai Ahli Farmasi sebelum menyertai bidang akademik pada tahun 2005. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah dilantik sebagai Dekan dan Timbalan Dekan serta berkhidmat dalam pelbagai lembaga dan jawatankuasa di universiti swasta. Beliau tekad untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dan sihat. Sebagai seorang aktivis, beliau terlibat dalam pelbagai aktiviti komuniti berdasarkan matlamat pembangunan lestari, dan berjuang untuk menyebarluaskan sistem sosioekonomi alternatif. Beliau komited untuk merapatkan jurang ketidaksamaan bagi membolehkan setiap orang membangunkan jati diri dan mengekalkan keharmonian.

### Perkongsian Pengalaman:

*Saya berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada PWDC atas penganjuran Sidang Wanita dan semua penceramah-penceramah serta sekretariat yang telah memberikan pengalaman yang bermakna ini. Ini adalah satu platform yang membuka ruang kepada wanita untuk berbakti kepada rakyat dengan mencari kaedah penyelesaian masalah rakyat.*

## BACKBENCHER

### Profil:

Berpengalaman sebagai Pengurus Pentadbiran, Sumber Manusia dan Akaun (1990-2008), Pengurus Operasi Pemasaran Antarabangsa (2009-2011), Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia (2012-2015) dan Pengurus Logistik, Pergudangan & Rantaian Bekalan (2016-2023). Menyertai politik pada tahun 2016 sebagai sukarelawan menyokong Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan dilantik 2018 sebagai Ahli Jawatankuasa Cabang Kulim-Bandar Baharu pada 2018. Dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang Kulim-Bandar Baharu pada 2018. Beliau juga pernah menjadi ketua dan Jurulatih Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi (PACA) pada Pilihanraya Umum ke 14 dan 15. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Panel Klinik Kesihatan Kulim untuk tahun 2023, Ahli Tetap Rumah Amal Kulim (Untuk OKU) pada 2018, Ahli Tetap Persatuan Tionghua Malaysia dan aktif dengan Persatuan Minda D'Home iaitu sebagai ahli & sukarelawan untuk membantu & memberi sokongan mental. Pemegang Diploma Perakaunan dari *Institute of Financial Accountants, England* dan mempunyai beberapa sijil seperti Sijil Pra-Sekolah, USM Pulau Pinang, *Train The Trainer Certificate, PSMB Malaysia, Cert IV In Human Resource BSB41007, Australia* dan *Certificate In Training, Assesment & Evaluation (TAE), Australia*.

Puan Tan Guat Kee  
N08 – Bagan Jermal

## BACKBENCHER

### Profil:

Merupakan tutor dan pemilik pusat tuisyen dengan pengalaman mengajar selama enam tahun. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bioteknologi dan Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang Pendidikan. Kini, sedang melanjutkan pengajian dalam Ijazah Doktor Falsafah (PhD) juga dalam bidang Pendidikan. Seorang yang feminis kerana percaya bahawa wanita pintar dan berkebolehan mempunyai hak untuk mendapat pendidikan berkualiti dan kerjaya pilihan mereka. Aspirasi beliau adalah untuk memperjuangkan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita serta meningkatkan kepimpinan wanita dalam bidang pendidikan.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita 2023 telah memberi pengalaman yang berharga kerana program ini bukan sahaja mengasah bakat kepimpinan saya malah memberi peluang untuk memahami tanggungjawab seorang wakil rakyat. Saya berasa bangga kerana dapat menyuarakan isu-isu masyarakat setempat dalam Dewan Undangan Negeri. Program ini telah berjaya memberi perspektif yang positif sebagai seorang ADUN*



Puan Logashene Sukumaran  
N09 – Bagan Dalam

## PEMBANGKANG

### Profil:

Memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari Universiti Malaya dan berpengalaman selama 25 tahun dalam bidang tersebut. Memiliki tadika sendiri yang telah beroperasi selama 15 tahun dan juga Ahli Pengelola Tadika-Tadika India Malaysia di bawah naungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Pertubuhan Pusat Pembangunan Kanak-Kanak Cemerlang. Sering dijemput untuk menganjurkan program-program keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Kini menyandang jawatan Ketua Wanita Malaysian Indian Congress (MIC) Negeri Pulau Pinang dan Ahli Majlis Tertinggi Wanita MIC Kebangsaan. Selain itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi PERJUANITA Malaysia dan Setiausaha Kawasan Rukun Tetanga, Jalan Semarak Api Serta Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Jalan Akuarium. Aktif dalam memperjuangkan hak-hak wanita dan berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan perubahan yang akan menjamin kebebasan wanita pada masa hadapan.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita adalah platform yang telah membuka minda wanita tentang dunia politik semasa serta peranan sebagai wakil rakyat yang begitu mencabar. Program ini membantu mengenal diri dan memberi keupayaan untuk berbakti kepada masyarakat setempat.*

Puan Muthurani Sivasamy  
N10 – Seberang Jaya





**Puan Hazwani Abdul Halik**  
**N11 - Permatang Pasir**

## PEMBANGKANG

### Profil:

Seorang penjawat awam di Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang selama hampir 17 tahun. Aktivis belia dan sukarelawan di Pulau Pinang seawal umur 18 tahun dan menjawat jawatan Setiausaha Kehormat Pertubuhan Belia Liga Muslim dan Penolong Setiausaha Liga Muslim Pulau Pinang serta beberapa jawatan penting dalam pertubuhan yang bergerak aktif di sekitar Pulau Pinang. Pernah dinobatkan sebagai Tokoh Belia Wanita Pada tahun 2020 dan dianugerahkan Pingat Jasa Masyarakat (PJM) pada 2022 serta dinobatkan sebagai Tokoh Penggerak Muda GPMS pada tahun 2013. Beliau banyak memimpin program dan aktiviti memperkasakan belia dari aspek pendidikan, kesihatan, usahawan, kebajikan, sukan, kepimpinan dan banyak lagi. Banyak membantu menguruskan isu-isu berkaitan kebajikan masyarakat melalui Pusat Khidmat Liga Muslim Pulau Pinang.

### Perkongsian Pengalaman:

*Setiap detik di Sidang Wanita adalah detik yang mengukuhkan tahap keyakinan saya dan mendorong untuk bangkit bersama wanita-wanita hebat untuk berjuang sebagai wakil suara wanita. Sidang Wanita bukti wanita tidak hanya menjadi saksi sejarah, tetapi juga pencipta masa depan negara yang lebih baik.*

## PEMBANGKANG

### Profil:

Berkelulusan Ijazah Sarjana (Master) Sains Sosial (Sains Politik) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Komunikasi Media) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Terlibat secara aktif dalam bidang pengacaraan majlis rasmi, penulisan skrip, peragaan, seni lakon teater dan persembahan kebudayaan. Semasa di universiti, pernah mengungguli anugerah Penyampai Berita TV Terbaik, Anugerah Penerbitan Kewartawanan Siaran Terbaik dan Anugerah Suntingan Laporan Khas Terbaik. Kini, berkhidmat dalam sektor kerajaan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita pada hari ini akan melahirkan pemimpin negeri Pulau Pinang yang berkualiti kelak. Semoga kita bersedia menghadapi cabaran mendatang dan perubahan berlandaskan ilmu dan pengalaman yang dijadikan pedoman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri demi kecemerlangan yang diimpikan.*



**Puan Nor Farrah Anis Hasnu**  
**N12 - Penanti**

**Dr. Puvaneswari  
Ramachandran**  
**N13 - Berapit**

## BACKBENCHER

### Profil:

Berpengalaman lebih 17 tahun dalam politik sejak umur 18 tahun dan beraspirasi untuk menjadi 'Legendary Woman Politician' seperti Perdana Menteri Wanita Pertama Britain, Margaret Thatcher dan Ketua Menteri Wanita Pertama Tamil Nadu, Jayalalitha. Berpendidikan dalam jurusan perubatan namun lebih cenderung untuk berbakti dalam politik dan perkhidmatan sosial. Menyertai beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berbakti kepada rakyat.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita memberi saya peluang untuk bertemu mata dengan pemimpin-pemimpin wanita yang komited dari pelbagai latar belakang. Kami berpeluang membahaskan isu-isu kritis seperti kesaksamaan gender, hak asasi wanita dan pemerkaasan wanita. Ini adalah platform terbaik untuk bertukar idea dan mengangkat kapasiti wanita.*

**Puan Noor Azura Kassim**  
**N14 – Machang Bubuk**



## BACKBENCHER

### Profil:

Seorang ibu kepada 3 orang anak dan pernah bekerja di sebuah syarikat swasta Secretary Firm selama 24 tahun. Sekarang bermiaga secara dalam talian dan mempunyai kedai menjual kuih frozen, penapis air hidrogen dan kasut bundle. Aspirasi beliau adalah untuk menjadi wanita hebat dan berjaya di dunia dan akhirat serta dapat membantu wanita lebih maju ke hadapan demi rakyat Malaysia.

### Perkongsian Pengalaman:

*Saya percaya bahawa keterlibatan aktif wanita dalam mengurus hal ehwal negara merupakan prasyarat penting untuk mencapai pembangunan yang berlanjutan dan inklusif. Kepercayaan ini membuatkan saya ingin melangkah lebih jauh dalam arena politik negara*

## BACKBENCHER

### Profil:

Merupakan seorang doktor perubatan yang memegang Ijazah Sarjana Muda dari University of Leeds, United Kingdom dan meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang *Developmental Psychology with Clinical Practice* di University College London, United Kingdom. Pengkhususan ijazah sarjana beliau merangkumi perkembangan bayi, kanak-kanak dan remaja dari segi kesihatan mental dan emosi. Kemudian beliau bekerja di Camhs (*Islington Community Child And Adolescent Mental Health Services*) di United Kingdom sebagai Assistant Developmental Psychologist dan terlibat dalam pelbagai kes terapi kanak kanak. Setelah kembali ke tanah air, beliau telah mula bekerja dengan sekolah swasta sebagai kaunselor dan telah dianugerahkan *"Most Productive Greenie"* pada tahun 2022. Kini beliau bekerja sebagai Senco iaitu Penyelaras Pendidikan Keperluan Khas Kanak-Kanak di salah sebuah sekolah swasta di Selangor. Selain daripada itu, beliau merupakan ahli seumur hidup Sneham Malaysia iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pulau Pinang yang terlibat secara aktif dalam pencegahan kes bunuh diri serta memberi taklimat berkaitan dengan kesihatan mental terutamanya di sekolah dan juga di acara awam.

### Perkongsian Pengalaman:

*Saya bersyukur diberi peluang berhujah dan berbahas di pentas persidangan Sidang Wanita. Saya yakin peluang ini dapat membantu saya memperjuangkan kebijakan dan nasib golongan wanita yang tertindas.*



**Dr. Cynthia Roshini Thomas**  
**N17 – Bukit Tengah**

**Puan Tharani Kesavan**  
**N18 – Bukit Tambun**



## BACKBENCHER

### Profil:

Merupakan seorang usahawan yang mempunyai dua buah perniagaan dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dari Universiti Sains Malaysia. Berkhidmat sebagai Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai Selama 2 Tahun pada 2022 dan 2023. Menjawat jawatan sebagai Setiausaha Parti Tindakan Rakyat (DAP) Cawangan Pulau Aman.

### Perkongsian Pengalaman:

*Pengalaman istimewa sebagai peserta Sidang Wanita tidak akan pernah dilupakan. Bersemuka dengan 40 wanita hebat dan mendengar hujah bernes waktu bersidang mencetuskan harapan agar penganjuran ini diteruskan pada masa akan datang.*



**Puan Norisha Ibrahim  
Chong**  
**N20 – Sungai Bakap**

## PEMBANGKANG

### Profil:

Pembantu Penyelidikan dan pelajar Sarjana (Master) Pengurusan Prestasi (DEA) di Universiti Sains Malaysia. Pengasas dan Penyelidik bersama Perkhidmatan Sokongan Pusat Mel Pelajar sebagai transformasi pengetahuan untuk pelajar universiti awam dan swasta di Malaysia. Beliau juga merupakan Pegawai Perhubungan, Pemuliharaan dan Biodiversiti (Bellevue, Penang Hill), Penolong Pengurus Produk (Makro Malaysia). Berpengetahuan dan berpengalaman luas dalam bidang keusahawanan domestik dan antarabangsa (Logistik dan E-Commerce). Selain itu, beliau juga pernah bertugas sebagai Jentera Pilihanraya PWTC pada 2004. Alumni Rakan Muda Badan Pencegah Rasuah Selangor Malaysia serta penglibatan dalam membantu aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan setempat. (KRT, NGO dan Persatuan Kebajikan).

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita telah memberi pengalaman, peluang dan pendedahan untuk meningkatkan kapasiti diri dengan pengisian yang sangat berilmu. Program ini signifikan dalam menggalakkan pembangunan jati diri, penentuan strategik dan hala tuju politik wanita yang lebih matang dan relevan.*

## BACKBENCHER

### Profil:

Pemegang Ijazah Muda Sarjana Pengurusan Hospitaliti dari Universiti Utara Malaysia dan berpengalaman sebagai Pengurus Latihan Sumber Manusia. Cakna tentang keseimbangan kehidupan pekerja, mengurus program dan aktiviti untuk memastikan pekerja mampu bergiatan aktif. Komited menyebarluaskan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat. Selain itu, turut melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang selaras dengan hala tuju negeri dan negara. Berhasrat untuk mewujudkan satu masyarakat yang menitikberatkan kualiti serta kesejahteraan hidup dan prihatin terhadap alam sekitar.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita merupakan satu peluang keemasan bagi wanita dari pelbagai latar belakang untuk meningkatkan peranan wanita dalam politik dan juga masyarakat. Melalui platform ini, lebih ramai wanita boleh menceburi bidang politik untuk membawa suara wanita ke peringkat yang lebih tinggi*



**Puan Prubah Loganathan**  
**N23 – Air Putih**

## BACKBENCHER

### Profil:

Seorang ahli ekonomi dan pemikir dasar awam dalam pembangunan ekonomi ASEAN, rangka kerja dasar, dan dinamik perdagangan serantau dan antarabangsa. Sering bekerjasama dengan pemimpin dan ahli perniagaan dari Singapura, Indonesia, dan Malaysia dalam kajian pembangunan serantau. Menulis secara meluas untuk media tempatan dan antarabangsa, termasuk *Economist Intelligence Unit (EIU)*, *The Edge Malaysia* dan *Free Malaysia Today (FMT)*. Pemegang Sarjana Muda Ekonomi dari Nanyang Technological University dan Micromasters dalam Data Ekonomi dan Reka Bentuk Dasar dari *Massachusetts Institute of Technology*. Kepakaran beliau dalam bidang ekonomi dan pengalaman yang meluas disumbangkan untuk memajukan wacana ekonomi dan penyusunan dasar di rantau Asia dan Malaysia.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita memberi saya peluang untuk mengalami peranan seorang ADUN termasuk tanggungjawab di kawasan, menangani kebimbangan rakyat, memahami isu tempatan dan memperjuangkan pembangunan dan kebajikan rakyat. Rangkaian yang terbentuk dari platform ini mampu mewujudkan komuniti sokongan yang kukuh bagi wanita di Pulau Pinang.*



**Puan Doris Liew Wan Yin**  
**N24 – Kebun Bunga**

## BACKBENCHER



**Puan Sunesha Munisamy**  
**N25 - Pulau Tikus**

### Profil:

Merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media, Universiti Malaya. Anak kelahiran Kajang, Selangor dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di Seremban, Negeri Sembilan. Berkecimpung dalam bidang penulisan sejak dari sekolah rendah dan sehingga kini pernah menyiarkan artikel di platform media sosial dan menerusi penerbitan buku tiada yang mustahil. Beliau mula menjinakkan diri dalam bidang politik ketika menjadi Wartawan Pelatih di Bernama. Susur galur latar belakang pendidikan yang memfokuskan kepada media menambahkan lagi sensasi untuk mengambil tahu akan keadaan semasa politik negara. Kini beliau sedang meneruskan perjuangan dalam mendalami situasi politik tanah air dengan menyertai pelbagai aktiviti dan program yang berkaitan. Aspirasi beliau adalah menjadi pemimpin yang berintegriti tanpa rasuah dengan membina masyarakat Malaysia terutamanya wanita ke arah politik yang lebih matang dan bersih dalam membina negara Malaysia yang maju dan makmur.

### Perkongsian Pengalaman:

*Tidak sangka impian bersidang dalam Dewan Undangan Negeri menjadi satu kenyataan. Sidang Wanita, pencetus semangat diri saya belseyar dalam bahtera politik secara lebih yakin dengan potensi diri sedia ada.*



**Puan Sharmila Kamal**  
**N27 - Pengkalan Kota**

## BACKBENCHER

### Profil:

Beliau merupakan pemilik syarikat yang berdasarkan industri makanan iaitu Hail Hanna Enterprise yang telah diasaskan sejak 2015 sehingga kini. Mempunyai semangat tinggi dalam apa jua bidang setanding dengan bakat dalam arena keusahawanan. Berfikiran secara kritis, bijak mengambil peluang, seorang yang berpendirian tegas dan berprinsip merupakan sifat yang ada pada diri beliau sejak azali lagi.

### Perkongsian Pengalaman:

*Menyertai Sidang Wanita memberi kebanggaan pada diri kerana berjaya memperoleh pengalaman dan melibatkan diri dalam sistem pentadbiran dan perundangan di Pulau Pinang. Platform ini mampu melahirkan wanita yang teguh pendirian, berwawasan dan bermatlamat demi memperjuangkan hak bersama. Kunci dalam menjadi seorang wanita yang hebat adalah bermula dengan meletakkan kepercayaan pada kemampuan diri.*



**Puan Sivasangari**  
**Karthigai Raju**  
**N28 - Komtar**

## BACKBENCHER

### Profil:

Beliau merupakan pengarah Vasighra Beauty House yang memiliki Diploma dalam Bidang Professional Kecantikan, Persolekan, Spa dan Penjagaan Bayi serta penjagaan Ibu sebelum dan selepas bersalin. Menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 2022 dan *Small Medium Indian Business Award 2019* daripada *Malaysian Book Of Records*. Beliau juga Ahli Perwakilan dan Ketua Wanita dalam Persatuan *Malaysian Indian Chamber Of Commerce Pulau Pinang*, Ketua Penerangan Persatuan Vanigakalam Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Wanita Persatuan Indian Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pembangunan Ekonomi dan Usahawan Masyarakat India Pulau Pinang serta Ahli Jawatankuasa Persatuan Hindu Sabah Pulau Pinang.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang wanita memberikan peluang untuk memahami dan langkah pertama untuk menceburi diri dalam politik. Saya pernah bercita-cita untuk masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebagai pemerhati, namun sidang program ini telah memberi peluang kepada saya untuk bersidang dalam dewan ini.*



**Puan Thiviya Manoharan**  
N31 – Batu Lancang

## BACKBENCHER

### Profil:

Merupakan seorang yang tegas terutamanya apabila melibatkan tentang kerja dan suka melibatkan diri dalam semua jenis aktiviti sosial. Sejak pandemik beliau aktif turun padang menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan di sekitar Pulau Pinang sehingga ke Pahang. Merupakan bekas pramugari yang pernah bertugas selama 8 tahun di awan biru dan ternyata pengalaman itu mendorong beliau untuk mencari keyakinan diri. Selepas berhenti dari industri penerbangan beliau memilih untuk menjadi sukarelawan di sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Negeri Sembilan iaitu *Science And Wellness Organisation* selama 4 tahun dan berperanan sebagai penyelidik. Kini beliau adalah pelajar tahun pertama dalam pengurusan organisasi strategi dan sains politik di Universiti Sains Malaysia.

### Perkongsian Pengalaman:

*Dampak pengajuran Sidang Wanita, saya dapat menyaksikan persepsi masyarakat mengenai peranan wanita dalam politik kian terhakis. Masa depan wanita lebih bersinar jika lebih ramai pemimpin wanita yang mampu di negara ini.*

## BACKBENCHER

### Profil:

Mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana (Master) Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah tajaan biasiswa Kerajaan Negeri Selangor. Pada 2003 beliau telah dianugerahkan Siswi Harapan bagi kategori Persatuan Pelajar Cemerlang di Universiti Teknologi Mara.

Berpengalaman menguruskan perniagaan keluarga berdasarkan menu Negeri Sembilan sejak tahun 1992. Semasa dan Pasca Covid-19, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada dua EXCO Wanita iaitu YB Dr Hajah Norlela Ariffin; EXCO Negeri Pulau Pinang dan YB Dr. Siti Mariah Mahmud; EXCO Negeri Selangor. Kini bertugas sebagai Pengurus Pembangunan Program dan Advokasi di Wanita Berdaya Selangor. Beliau juga menyandang jawatan Penolong Setiausaha Wanita Pakatan Harapan Selangor dan Setiausaha Wanita Amanah Selangor juga berperanan sebagai Penggerusi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Bonda Berdikari yang majoriti ahli terdiri daripada ibu tunggal.

### Perkongsian Pengalaman:

*Pengalaman bersama 40 wanita hebat pastinya menjadikan asbab dalam membina kesedaran dan perubahan positif yang memberi manfaat sebagai aktivis politik. Sidang Wanita merupakan ruang penghargaan kepada pencapaian wanita dalam masyarakat dan mampu menggalakkan lebih ramai wanita untuk terlibat dalam politik dan kepimpinan.*



**Puan Mashitah Ismail**  
N32 – Seri Delima

## BACKBENCHER

### Profil:

Beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dalam Pengajian Perniagaan di *Swinburne University*, Australia dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan di *Trinity Saint David University*, United Kingdom. Meneruskan pengajian Ijazah Sarjana (Master) Pengurusan Perniagaan di *Cardiff Metropolitan University*, United Kingdom dan akhir sekali Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa di Universiti Sains Malaysia. Mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi dan telah mengambil inisiatif untuk membantu warga emas yang memerlukan dengan sumber kewangan dari keluarga dan sokongan kewangan dari derma orang awam. Beliau turut memberikan tuisyen percuma kepada pelajar yang kurang berkemampuan serta memberikan bantuan barang keperluan sekolah kepada pelajar yang memerlukan.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang wanita adalah platform untuk menghimpunkan wanita bagi menyuarakan isu-isu dan mengerakkan pemerksaan wanita. Ruang ini diambil dengan menimba pengalaman pengalaman dari tokoh-tokoh besar wanita dengan pengisian berinformasi. Sidang Wanita telah berjaya meningkatkan tahap keyakinan diri saya.*



**Dr. Thripurasundere  
Maharaja**  
N33 – Air Itam

## BACKBENCHER

### Profil:

Berpengalaman hampir 30 tahun sebagai juruteknik kilang di Western Digital Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau merupakan pemegang Sijil Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Merupakan seorang ibu kepada 3 orang anak yang masih belajar. Beliau juga tidak pernah terlibat dengan mana-mana NGO atau parti politik namun beliau adalah seorang yang cakna dengan politik. Aktif dengan Kelab Rukun Tetangga serta aktiviti masyarakat setempat.

### Perkongsian Pengalaman:

*Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada yang tahu. Begitulah diibaratkan ketika saya terpilih di kalangan 40 perwakilan wanita pada Sidang Wanita Pulau Pinang 2023. Satu peluang yang amat mahal kerana saya dapat merasai sendiri tugas dan tanggungjawab seorang wakil masyarakat.*

## BACKBENCHER

### Profil:

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Prasekolah) dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dari Universiti Malaya. Mempunyai Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang konfeksionari dan bakeri. Pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar secara sambilan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak di Segi College dan UNITAR dan kini mengusahakan Kelas Pendidikan Awal Kanak-kanak di samping menjadi usahawan. Melibatkan diri dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai tenaga pengajar.

### Perkongsian Pengalaman:

*Sidang Wanita memberi satu pengalaman sebagai seorang wakil rakyat dan pendedahan tentang etika dan protokol bersidang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Saya juga amat teruja dapat menyuarakan isu-isu masyarakat setempat dan platform ini telah menyuntik semangat saya untuk terus berkhidmat kepada masyarakat.*

**Puan Aniza Yahya**  
N35 - Batu Uban



**Puan Azizun Ismail**  
N38 - Bayan Lepas

## PEMBANGKANG

### Profil:

Merupakan bekas pensyarah universiti dan kini adalah usahawan dalam pelbagai bidang termasuk menjadi Pengarah Syarikat Pelancongan, Seven Pearls Tour And Travel Sdn Bhd. Beliau juga adalah Pengajar Sains dan Perunding Kewangan berwibawa. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Biologi serta mempunyai pelbagai sijil dalam bidang pendidikan dan keusahawanan. Pernah menjadi Ketua Mentor Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme (PWEMP) dan tenaga pengajar program Sri Murugan Centre. Beliau kini dalam proses penulisan siri buku-buku rujukan biologi dan berhasrat mewujudkan program holistik cemerlang sains serta keusahawanan remaja.

### Perkongsian Pengalaman:

*Saya bersyukur kepada tuhan kerana diberi peluang membahaskan isu berkaitan wanita dan pengurusan kewangan di dalam Sidang Wanita 2023. Program ini menyedarkan saya betapa pentingnya keterlibatan wanita dalam bidang politik. Saya juga berpeluang berjumpa wanita-wanita yang aktif menerajui tuggak kepimpinan negara.*

### Puan Priathartsiny Balkerishna

N39 - Pulau Betong




## PEMBANGKANG

### Profil:


Berkelulusan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2016. Berpengalaman lebih 22 tahun sebagai Guru Tabika Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang. Beliau turut menggalas jawatan sebagai Setiausaha Pergerakan Wanita Liga Muslim Pulau Pinang serta Timbalan Pengurus Persatuan Penduduk Paya Terubong. Selain itu, beliau juga adalah Ahli Wanita Persatuan Nurul Islam, Ahli Jawatankuasa Masjid Kapitan Keling, Ketua Wanita UMNO (Cawangan) Ayer Itam dan Penolong Setiausaha Kawasan Rukun Tetangga Taman Terubong Jaya 1.

### Perkongsian Pengalaman:

*Kehadiran platform anjakan paradigma ini amat penting untuk komuniti masa kini. Sidang Wanita memberi saya ruang untuk berkongsi pandangan dan hujahan isu terkini sesama wanita. Saya berasa dihargai dan bermotivasi untuk terus memperjuangkan hak-hak komuniti dalam kapasiti yang saya ada.*



**Puan Sharifah I  
Kader Ibrahim**  
N40 - Teluk Bahang



# Pelan Tempat Duduk Perwakilan

“


Diharapkan arus semangat selepas bersidang membawa gelombang baharu selepas berjaya muncul jadi wakil rakyat walaupun sehari di DUN Pulau Pinang. Semoga ia jadi pemangkin mencorak realiti politik anda di luar. Kepada yang masih mencari parti politik untuk disertai, pilih dan daftar segera ikut kehendak prinsip anda untuk bersama dengan parti tersebut. **Sematkan nilai persamaan anda sebagai wanita rentas semua parti politik**, ini penting dalam perkara yang memerlukan kepekaan lensa gender anda. Teruskan gerak percaturan mulai bawah untuk rasa denyut nadi akar umbi dan rakyat terbawah sebelum cabar diri merebut posisi lebih tinggi. Selain itu, **sentiasa cakna untuk cari, bentuk dan gilap pelapis baharu supaya kita tidak ketandusan pemimpin wanita untuk ditonjolkan.**

**YB Puan Lim Siew Khim**  
EXCO Pembangunan Sosial,  
Kebajikan dan Hal Ehwal  
Bukan Islam



# Statistik & Demografi *Perwakilan*


## Statistik Peserta Mengikut Etnik




## Statistik Peserta Mengikut Daerah Tempat Tinggal




## Statistik Peserta Mengikut Pekerjaan



## Statistik Peserta Mengikut Tahap Pendidikan



## Statistik Peserta Mengikut Keahlian Parti Politik



Parti Keadilan Rakyat (PKR) | Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) | Parti Tindakan Demokratik (DAP)  
Parti Amanah Negara (AMANAH) | Kongres India Malaysia (MIC) | Parti Islam Semalaysia (PAS) | Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)

Ahli Parti  
**52.5 %**  
21 Orang

Bukan  
Ahli Parti  
**47.5 %**  
19 Orang

# *Buletin & Penghargaan*



# *Khas Bersama :* YB Puan Connie Tan

**Kongsikan pengalaman penglibatan YB selaku peserta pada Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 (SWPP20) yang ketika itu adalah kali pertama penganjurannya.**

Pada SWPP20 yang lalu, saya merupakan peserta yang berperanan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga merangkap EXCO Pembangunan Tanah, Ekonomi Dan Komunikasi. Maka sepanjang tempoh tersebut saya berperanan sebagai seorang Ketua Menteri dan ketua bagi blok kerajaan. Pengalaman ini sememangnya manis dan bermakna untuk dikenangkan kerana sepanjang tempoh tersebut ia telah mendidik saya supaya menjadi seorang pemimpin yang berpaksikan fakta dalam melakukan sesuatu.

Sejurnya, jawatan yang disandang dalam SWPP tersebut bukanlah perkara utama untuk dikenangkan tetapi adalah bagaimana saya mencorak pemikiran dan hala tuju saya dalam memahami sesuatu permasalahan dan mencari solusinya dan ini terhasil semasa tempoh penyediaan kepada jawapan Soalan Lisan & Bertulis serta sesi penggulungan pada Hari Persidangan. Justeru itu, pada saya perkara sebeginilah mematangkan dan mengajar saya untuk menjadi seorang pemimpin.

**Adakah pengalaman tersebut membantu dalam kerjaya politik pasca SWPP20?**

Ya, memang benar kerana pada saya, pengalaman tersebut sangat membantu dalam kerjaya politik saya. Ini terbukti selepas tamat sesi SWPP20, saya secara langsung berasa yakin bahawa pentas politik ini bukan sahaja perlukan pendebatan, malah yang utama adalah bergelar pencari atau pencipta solusi ke atas semua permasalahan yang timbul. Walaupun ketika itu saya hanya sebagai wakil rakyat selama sehari, ia bertambah manis apabila saya bergelar wakil rakyat iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima selepas empat tahun selepas SWPP20. Namun demikian, sebenarnya kerjaya politik saya telah lama wujud sebelum itu lagi. Jadi apabila saya menyertai SWPP20 ketika itu pelbagai perkara baharu yang saya pelajari. Sememangnya is mengukuhkan lagi pendirian saya untuk terus berkecimpung dan mengorak langkah lebih jauh dalam gerak politik saya.

**Bagaimana YB melihat kesinambungan SWPP dalam mencorak kanvas politik tempatan terutamanya ahli politik wanita. Adakah ia relevan diteruskan?**

Pada pandangan saya, pentas SWPP mampu mencorakkan politik kita secara positif terutama dalam mempersiapkan calon

wanita untuk terus mara ke hadapan sebagai pemimpin politik dan wakil rakyat. Hal ini juga selaras dengan hala tuju kerajaan yang mensasarkan penglibatan wanita dalam arena politik sebanyak 30%. Jadi jelaslah ia relevan dan signifikan untuk diteruskan. Kita anggap SWPP ini sebagai pentas persiapan dan didikan untuk wanita mempersiapkan diri untuk mara menjadi seorang wakil rakyat berwibawa.

**Sebagai muka baharu, bagaimana YB tonjolkan diri dalam lingkungan parti YB sendiri (DAP) sehingga terpilih dicalonkan bertanding pada PRN-15 Pulau Pinang yang lalu?**

Saya sebenarnya telah menceburji bidang politik ini sudah hampir 12 tahun iaitu sejak tahun 2012. Titik permulaan karier politik saya bermula daripada sepucuk emel yang saya hantar kepada Pejabat DAP Pulau Pinang dengan meluahkan hasrat saya untuk membantu parti dan negeri selepas menamatkan pengajian saya di universiti. Jadi selepas menyertai DAP Pulau Pinang sebagai salah seorang pekerja yang membantu dalam kerja publisiti, saya juga sering menjadi juru acara dalam pelbagai program yang dianjurkan parti. Maka bermula dari situ, saya mula dikenali oleh tokoh-tokoh pemimpin parti. Pada tahun 2014, saya diberi peluang dan dilantik sebagai Ahli Majlis MBPP dan ketika itu usia saya 24 tahun dan merupakan Ahli Majlis yang paling muda dalam sejarah pelantikan di MBPP.

Saya diberi platform untuk memberi perkhidmatan awam kepada warga Pulau Pinang, menjadi penggubal dasar, membantu rakyat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan telahpun menjalankan pelbagai program yang berjiwa rakyat menggunakan platform MBPP. Sepanjang masa tersebut, saya menjalankan tugas saya dengan baik dan penuh hemah dan saya percaya dari situ saya menonjolkan diri sehingga dipilih menjadi calon untuk bertanding dalam PRN15 yang lalu.

**Kongsikan persiapan dan pengalaman YB semasa berkempen di kerusi DUN Seri Delima meskipun pertama kali bertanding serta merupakan calon anak muda?**

Sebenarnya, sebelum menjadi calon untuk bertanding pada PRN15 yang lalu, saya telah menjadi sebahagian daripada jentera kempen bagi beberapa ADUN lain dan terlibat berkempen untuk mereka. Maka pengalaman hampir serupa itu saya gunakan bagi pendekatan kempen saya. Persiapan saya pada waktu itu adalah saya bersama jentera kempen memilih untuk berkempen secara sihat dan bermaruah.

Saya dan pasukan mensasarkan untuk menyampaikan maklumat-maklumat penting beserta manifesto-manifesto saya untuk kawasan Seri Delima. Medium yang kami gunakan adalah secara bersemuka dan juga melalui media cetak dan media sosial. Kami juga telah mengadakan ceramah-ceramah politik di setiap kawasan di bawah gagasan Seri Delima. Pengalaman

sewaktu bergelar Setiausaha Publisiti Wanita DAP Pulau Pinang saya terapkan sewaktu saya berkempen pada PRN15 lalu.

Kami cuba sebaik mungkin untuk memastikan saya secara fizikal bertemu semua penduduk kawasan dan memperkenalkan diri selain menghebahkan apa yang saya tawarkan sebagai bakal ADUN mereka. Sepanjang tempoh berkempen, saya faham hampir 50% pengundi Seri Delima adalah warga emas. Jadi pendekatan saya lebih kepada apa yang boleh saya tawarkan kepada warga emas Seri Delima. Maka itu gambaran saya sebagai wakil rakyat muda, tidak bermakna saya tidak sensitif hal ehwal dan kebijakan warga emas.

**Penerimaan pengundi terhadap YB sebagai calon anak muda dan seorang wanita serta agenda dandan visi YB yang kini merupakan ADUN Seri Delima?**

Saya bersyukur kerana ADUN Seri Delima sebelum ini iaitu YB Syerleena Abdul Rashid juga seorang wanita. Walaupun usia saya lebih muda dari beliau, saya lihat pengundi di Seri Delima tidak menolak seorang yang muda menjadi wakil rakyat mereka. Buktinya, lebih banyak perkara positif dan kata-kata semangat daripada pengundi yang saya terima sewaktu berkempen.

Bahkan ada yang menyatakan, anak muda perlu lebih proaktif dan pantas apabila menjadi wakil rakyat. Jadi saya anggap itu sebagai satu kata semangat dan tanda penerimaan pengundi. Agenda utama saya ialah memberikan Seri Delima satu nafas baharu dari pelbagai aspek kehidupan. Pendek kata, saya berazam dan berhasrat untuk menjadikan Seri Delima ‘Liveable’ iaitu berdaya huni. Saya menzahirkan slogan dan moto saya untuk menjadikan Seri Delima satu tempat yang “Liveable, Innovative, Progressive” atau berdaya huni, berdaya cipta dan berdaya maju. Melalui pendekatan yang proaktif, saya mahu menjadikan kawasan ini terus berkembang secara aktif dan berinovatif dalam membawa sebarang pembaharuan dan kebaikan kepada segenap lapisan penduduk di sini.

**Pandangan YB mengenai realiti parti-parti politik mengenai usaha memperkasakan kepimpinan wanita terutamanya jumlah representasi wakil rakyat wanita sebagai penggubal undang-undang.**

Realitinya sekarang, setiap parti politik menyambut baik usaha menjadikan wanita sebagai pemimpin. Ini jelas apabila setiap parti akan turut mewujudkan sayap perwakilan wanita masing-masing. Misalnya, DAP kita ada Wanita DAP Pulau Pinang. PKR juga mereka ada Wanita Keadilan, UMNO sendiri mereka ada Wanita UMNO serta PAS juga tidak ketinggalan melalui Muslimat PAS. Cuma pada pandangan saya, tidak semua parti itu berusaha memperkasakan wanita terutamanya

menjadikan wanita sebagai wakil rakyat dan penggubal undang-undang.

Kalau dilihat pada corak PRN15 yang lalu, belum cukup 30% golongan wanita yang bertanding malah yang berjaya bergelar ADUN hanya 10% iaitu 4 daripada 40 ADUN sahaja yakni termasuk saya. Secara realiti, wanita perlu meningkatkan lagi penglibatan mereka bagi meningkatkan peluang pencalonan supaya kita dapat melihat peningkatan jumlah wakil rakyat wanita. Sebenarnya tidak timbul isu wanita ditolak untuk menjadi wakil rakyat. Cuma penglibatan wanita dalam politik masih dilihat sebagai satu cabaran kepada golongan wanita, terutamanya untuk golongan yang sudah berumahtangga kerana tumpuan mereka akan lebih kepada keluarga dan karier politik dilihat terlalu berat dan agak terikat.

**Penganjuran SWPP mendapat sambutan memberangsangkan hingga menarik ramai penyertaan peserta dari luar Pulau Pinang. Apakah harapan dan nasihat YB untuk jangka masa panjang terhadap platform seperti program SWPP?**

Saya berharap agar SWPP diteruskan dan tidak dimansuhkan kerana dengan berlangsungnya penganjuran yang berterusan, maka secara tidak langsung akan jadi satu medan untuk wanita terus belajar dan memperkasakan diri mereka menjadi wakil rakyat. Melalui SWPP ini juga, saya harap lebih ramai wanita bertambah yakin bahawa dengan menceburi bidang politik dan kita mampu mengubah hidup wanita yang lain melalui inisiatif-inisiatif yang dirangka oleh kerajaan.

Saya juga berharap agar lebih ramai wanita yang terlibat dengan SWPP seterusnya berani menonjolkan diri untuk menjadi wakil rakyat dan seterusnya merealisasikan sasaran kita untuk mewujudkan 30% penglibatan wanita sebagai pemimpin atau wakil rakyat. Saya juga ingin mencadangkan peserta yang tamat SWPP turut diberi peluang untuk merasai suasana dan gaya kerja seorang ADUN wanita. Mungkin juga boleh diwujudkan satu slot khusus untuk mereka turut serta melihat bagaimana ADUN wanita berkhidmat.

Pada saya, mungkin dengan cara ini kesinambungan SWPP lebih jelas dan efektif. Nasihat saya, jika minat berpolitik perlulah menjadi ahli parti mana-mana parti politik dahulu. Pilih satu parti politik yang selari dengan pendirian dan perjuangan anda. Hal ini kerana melalui pentas politiklah anda dapat bertindak dengan menyertai parti politik dan berpolitik, anda akan sedar inilah medan untuk anda luahkan apa yang anda fikirkan perlu untuk kebaikan rakyat. Bila rakyat melihat dan dengar luahan anda, mereka akan sokong anda. Maka dari sinilah anda akan dipilih untuk menjadi wakil mereka iaitu wakil rakyat. Mereka akan memilih anda untuk bersuara dan bertindak bagi pihak mereka.

# Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2023



Penaung

YB Puan Lim  
Siew Khim

EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan  
& Hal Ehwal Bukan Islam



Jawatankuasa  
Petugas

YB Puan Heng  
Lee Lee

ADUN Berapit  
(Pengerusi)



Jawatankuasa  
Petugas

YB Puan Connie  
Tan Hooi Peng

ADUN Seri Delima



Jawatankuasa  
Petugas

YB Tuan Goh  
Choon Aik

ADUN Bukit Tambun



Jawatankuasa  
Petugas

Puan Aida  
Yusof Rawa

Ahli Lembaga Pengarah  
PWDC



Jawatankuasa  
Petugas

Puan Nor  
Hafizah Othman

Ahli Lembaga Pengarah  
PWDC



Jawatankuasa  
Petugas

Dato' Ong  
Bee Leng

Ketua Pegawai Eksekutif  
PWDC



Sekretariat

Puan  
Mangleswary  
Subramaniam

Ketua Unit  
Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan



Sekretariat

Encik Izwan  
Ali Imran  
Wazani

Pegawai Kanan  
Program Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan  
(Ketua Sekretariat)



Sekretariat

Encik Amirul  
Aiman Anuar

Pegawai Program  
Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan



Sekretariat

Puan Nurul  
Hanis Isnin

Pegawai Program  
Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan



Sekretariat

Encik Muhammad  
Farid Arsyad Foad

Pegawai Program  
Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan



Sekretariat

Puan Mazidah  
Musa

Pegawai Program  
Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan



Sekretariat

Puan Rafieqah  
Mohd Razlan

Pegawai Kanan  
Program Pemerkaasan  
Wanita Dan  
Kepimpinan

## Penerbitan

- Dato' Ong Bee Leng
- Encik Amirul Aiman Anuar
- Encik Izwan Ali Imran Wazani
- Puan Siti Sarah Salman Paris

## Rapporteur

- Encik Amirul Aiman Anuar
- Puan Siti Sarah Salman Paris

## Pelapor Lapangan

- Encik Amirul Aiman Anuar

## Sukarelawan

- Puan Dr. Lalitha Ramasamy
- Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
- Puan Lee Yew Mei
- Puan Nurul Syazwani Shafery
- Puan Rathiga Kathervallo Pellai
- Puan Sangeetha Animolom
- Puan Khor Kar Tien
- Puan Bagseswari Subramaniam
- Puan Subanisha Sultan Mohamad

# *Sekalung Penghargaan*

- **YAB Tuan Chow Kon Yeow**, Ketua Menteri Pulau Pinang
- **YB Dato' Law Choo Kiang**, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
- **YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid**, Timbalan Ketua Menteri 1
- **YB Tuan Jagdeep Singh Deo Karpal Singh**, Timbalan Ketua Menteri 2
- **YB Tuan Rashidi Zinol**, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar
- **YB Tuan Zairil Khir Johari**, EXCO Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital
- **YB Tuan Wong Hon Wai**, EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif
- **YB Puan Lim Siew Khim**, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam
- **YB Tuan H'ng Mooi Lye**, EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa
- **YB Tuan Gooi Zi Sen**, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan
- **YB Dato' Seri Sundarajoo Somu**, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar
- **YB Tuan Fahmi Zainol**, EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi
- **YB Puan Fadhlina Sidek**, Menteri Pendidikan Malaysia
- **YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu**, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- **YB Puan Teo Nie Ching**, Timbalan Menteri Komunikasi Dan Digital
- **YB Puan Jamaliah Jamaluddin**, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar Negeri Selangor
- **YB Tuan Goh Choon Aik**, ADUN Bukit Tambun
- **YB Puan Connie Tan Hooi Peng**, ADUN Seri Delima
- **YB Puan Phee Syn Tze**, ADUN Sungai Puyu
- **YB Tuan Wong Yuee Harng**, ADUN Pengkalan Kota
- **YB Tuan Kumaran Krishnan**, ADUN Bagan Dalam
- **YBhg Dato' Seri Chong Eng**, Penasihat Wanita DAP
- **YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani**, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- **YBrs Puan Aida Yusuf Rawa**, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- **YBrs Puan Kasthuriraani Patto**, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- **YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah**, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- **YBrs Puan Nor Hafizah Othman**, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- **YBrs Puan Tan Soo Siang**, Ahli Majlis MBPP
- **YBrs Puan Mily Goh Huey Ee**, Ahli Majlis MBPP
- **YBrs Puan Rodziah Abul Khassim**, Ahli Majlis MBPP
- **YBrs Nurhafiza Huda Idris**, Ahli Majlis MBPP
- **Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang**

# *Bekas Peserta Sidang Wanita*

yang bertanding dalam Pilihanraya Ke-15



**YB Puan Connie Tan  
Hooi Peng**

*ADUN Seri Delima*

**Puan Nurhidayah  
Che Ros**

*Calon Pakatan  
Harapan (PKR)  
DUN Sungai Bakap,  
Pulau Pinang*

**Puan Vikneswary  
Harikrishnan**

*Calon Parti MUDA  
DUN Perai, Pulau  
Pinang*

**Puan Siti Balkhis  
Hussain**

*Calon Pakatan Harapan  
(AMANAH)  
DUN Sungai Limau,  
Kedah*

Lapan (8) daripada sembilan (9)  
**Ahli Majlis Wanita** yang baharu dilantik untuk sesi 2023/2024  
adalah **Bekas Peserta Sidang Wanita Pulau Pinang.**

**Majlis Bandaraya Pulau Pinang  
(MBPP)**

**Majlis Bandaraya Seberang Perai  
(MBSP)**



**Puan Ooi  
Mei Mei**  
Sidang Wanita 2021



**Puan Gueno Koay  
Gaik Kee**  
Sidang Wanita 2021



**Puan Rachel Teh  
Chuann Yien**  
Sidang Wanita 2020



**Puan Normahani  
Binti Muhamad**  
Sidang Wanita 2020



**Puan Heng Yeh  
Shiuan**  
Sidang Wanita 2020



**Puan Tan  
Soo Siang**  
Sidang Wanita 2020



**Puan Siti Aishah  
Zainol**  
Sidang Wanita 2021



**Puan Nurhidayah  
Che Rose**  
Sidang Wanita 2021

*Tahniah dan syabas kepada semua yang telah dilantik*



## Visi

PWDC menggagaskan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang memegang kepada amalan kesaksamaan substantif antara wanita dan lelaki, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial.

## Misi

PWDC berusaha untuk mengarusperdanakan gender ke dalam dasar utama, program dan amalan sektor awam dan untuk mengubah struktur dan budaya melalui advokasi, pembangunan kapasiti dan perkongsian strategik dengan pelbagai sektor masyarakat.

## Objektif

1. Memberi sokongan kepada kapasiti kerajaan negeri dan tempatan dalam usaha mengintegrasikan perspektif gender dalam dasar, program dan amalan.
2. Memantapkan kepimpinan dan peranan wanita serta meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.
3. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.



**Perbadanan Pembangunan  
Wanita Pulau Pinang (PWDC)**

- a** Tingkat 47, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang, Malaysia
- t** +(604) 261 2835 / 261 5261
- f** +(604) 261 2839
- e** [wel@pwdc.org.my](mailto:wel@pwdc.org.my)
- w** [www.pwdc.org.my](http://www.pwdc.org.my)



**DEWAN UNDANGAN NEGERI**

ISBN 978-629-96622-4-2

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-629-96622-4-2.

9 786299 662242